


NADI insan

DISEMBER 1980
KDN 0049/80
ISSN 0126-9364
\$1.00

- Dr. Tan Chee Khoon
On The Iraq-Iran War
- Sebalik Peristiwa Batu Pahat
- Pidato Dr. Burhanuddin (1955)
- Hikayat Syarikat Emas
Hitam S.O.: Pecah Tembelang



EKONOMI DERTAMBAH KAYA
HIDUP DERTAMBAH PAYAH



JURU PENULIS
YAN

**FIKIRAN-FIKIRAN
TENTANG
PENDIDIKAN**
PROF ATAN LONG

Bagaimana pula pendapat dan fikiran Prof. Atan Long mengenai hal ini? Disarankan juga beberapa masalah dan fikiran beliau mengenai persoalan pendidikan dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat universiti.

Sangat berguna kepada guru-guru pelatih atau yang sedang bertugas dan kepada para pegawai yang terlibat dalam bidang pendidikan.

Fikiran-Fikiran Tentang Pendidikan
Prof. Atan Long
194 Halaman
\$4.50



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR 08-08 • JALAN WISMA PUTRA PETI SURAT 803 • TELEFON 481169 • 481240
CAWANGAN SABAH • BEG BERKUNCII 149 KOTA KINABALU SABAH • TELEFON 58117
CAWANGAN SARAWAK • PETI SURAT 1390 KUCHING SARAWAK • TELEFON AM 241712

NADI insan

BILANGAN 20

Para pembaca dilingatkan bahawa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
 Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
 Redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,
 Dr. Jomo K.S., C. Ng. Rohana
 Pelukis : Jaseni, Lim.
 Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.
 Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.


DISEMBER 1980

wawancara	5	ALIRAN — Ke Arah mana?
nasional	8	Belanjawan dan Agihan Pendapatan
	10	Durian Runtuh Lagi Untuk Pegawai
		Kanan Kerajaan
	11	Belanjawan Murah Hati?
	12	Belanjawan Mengawal Inflasi?
forum	14	Tandatanya Mengenai Batu Pahat
antarabangsa	17	Iraq-Iran War
	18	Jeneral Zia Gagal
	22	Syarikat Antarabangsa
kartun	23	Al-kisah Kapitalisme
sajak	26	Di Batas Ini
	27	Questions of a Worker Reading History
sejarah	28	Pidato Dr. Burhanuddin
cerpen	31	Sidang Rakyat
buku	37	Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di
		Kelantan
pojok	38	Pecah Tembelang
filem	40	Apocalypse Now

Aliran Kesedaran Negara, atau pendeknya ALIRAN, merupakan sebuah gerakan reformasi berbilang kaum yang telah menarik perhatian orang ramai melalui kenyataan akhbar, penerbitan serta kegiatannya yang lain telah menjadi buah mulut di khalayak ramai baru-baru ini oleh kerana kewujudannya terancam. Ikutilah wawancara NI dengan presiden ALIRAN, Dr. Chandra Muzaffar



Belanjawan Negara 1981 telah memberi manfaat kepada pesawah padi, pekebun kecil getah dan peniaga kecil setelah kepentingan golongan-golongan ini seolah-olah diabaikan bertahun-tahun. Sebaliknya, usaha untuk mengawal inflasi serta untuk mengatasi masalah perumahan tidak meyakinkan.



Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon sudah dikenali sebagai tokoh dalam bidang politik dan perubatan. Sebenarnya, beliau juga meminati ilmu ketenteraan dan sentiasa mengikuti sejarah dan perkembangan militer masakini di seluruh dunia. Dalam keluaran ini, kami menyiarkan ulasannya terhadap Perang Iraq-Iran, yang tercusus pada lebih dua bulan lalu.

Hanuman telah kembali! Setelah Hanuman menghilangkan dirinya setelah nyawa diancam oleh pasukan saintis Amerika Syarikat yang ingin menggunakan tubuhnya untuk ujian-ujian yang kononnya saintifik, saudara kita itu (ini tidak semestinya hujah yang mendukung perspektif evolusionis) telah membuat kajian yang mendalam mengenai Al-kisah Syarikat Emas Hitam Seri Ombak (S.O)

JIMATKAN WANG
NADI insan TERUS KE RUMAH ANDA

6 bulan 1 tahun
 Harga langganan \$5.50 \$10.00
 Anda menjimatkan .50s \$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
 INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mel	Mel
	Biasa	Udara
Asia Tenggara —	M\$16	M\$24
Asia Selatan,		
Asia Timur, Australia		
New Zealand —	M\$16	M\$28
Timur Tengah,		
Eropah —	M\$16	M\$36
(4) (£ 9)		
Afrika, Amerika —	M\$16	M\$44
(US\$8) (US\$22)		

(Langganan Setahun)

handwritten "union" sign and her workmates downed their tools in solidarity.

Huang did not mention this unforgettable, climatic scene except to say that she was arrested "for stopping work in the textile mill". Perhaps Huang missed the emotion, thus accounting for the insipid description. Of course, work was stopped, but how?

Against these important facets of struggle against male domination and factory discipline, Huang makes the curious remark that the movie "does not portray the seriousness of noise levels too strongly..." Perhaps Huang managed to catch most of the shouted dialogue in the shopfloor scenes. I could not.

Huang also indulges in cheap shots and quibbles. Perhaps Norma Rae and Reuben, the union organiser, "never" went swimming nude. Or perhaps they did. Huang may know better but bringing in privileged information into a review intimidates rather than educates the reader.

And what if they did go swimming nude? One can surely cite better examples of Hollywood sexploitation than this almost idyllic scene. Perhaps it speaks more of your reviewer's prudishness than the moral decadence of Hollywood (which nevertheless is a fact).

Huang unfortunately resorts to cliches too, slamming the "heroic individualism" of Rueben who then "drives off into the sunset".

In fact, union organisers in the US do sometimes operate singly, especially in the smaller towns. Couldn't this have suggested that class discontent and exploitation are so high there that organisers can catalyse the self-organisation of the workers - as portrayed towards the end of the film? Does it also necessarily suggest "individualism"?

The targets Huang picks - Hollywood, chiefly - are actually paper tigers. Huang himself sounds jaded, even cynical in an "I've seen

it all" tone of voice.

This tone of voice, to use your reviewer's thrice-used word, is "typical" of bad film reviews and brings Huang's review down almost to the level of those appearing in our newspapers and entertainment magazines.

What would be a serious review of *Norma Rae*? It would, first of all, be a critique. It would, at once, capture the -- dare I say it? -- revolutionary moments and lay bare the limits to their development in the film as well as the society the film, as art, represents.

Your reviewer does, in conclusion, touch on this political point, however fleetingly. I wish that point had been elaborated upon.

For the question of unions in both capitalist and post-capitalist societies is an issue of no small importance. And the question "what is to be done" has preoccupied -- and divided -- the men and women of the left ever since the turn of the century.

The Polish workers' uprising -- the importance of which NI recognised by carrying an article on it in the same issue -- is only the latest echo of a furious debate that began after the setting up of the first workers state.

In history, so also in film reviewing, to develop a critique is to grasp the kernel of truth and enrich it.

Here in this country, the self-organisation of workers too is becoming more and more a pressing issue with each passing day.

The "buruk" Bank Buruh is broke financially and the labour bosses who run it and the MTUC are just as broke morally.

Meantime, in Penang, electronic factory workers for the first time stage a historic revolt, organising themselves without the aid of the labour bosses (who promptly arrive to "organise" them to be more efficiently exploited).

Rich examples all, to illustrate a film review of *Norma Rae* and to

learn from. Any one or others could have been used.

J C Huang instead chose to take the easy way out, settling for the simple-minded question: "Is unionisation the end of all workers' problems, or is it only a stage in the ongoing struggles of workers?" To which, I ask: "Is the workers' state in Poland... ?"

J.G. Huang replies: The contents of J.S. Alias' letter are noted and appreciated. I believe J.S. Alias is well meaning in his criticisms. There are however a few things which need to be clarified.

In the first place I do not believe that this movie aims to principally portray Norma Rae's awakening as a woman. If it does, then using the personal family quarrel between Sonny and Norma would be a poor choice to portray this aspect. Sonny is hardly the dominant male who does not share in housework. Rather he is portrayed as weak and not opinionated.

As for the symbolic manner which Norma Rae uses to stop work, J.S. Alias has missed out an important sentence in the next paragraph "This act, galvanizes the workers and Emotions and symbolisms are important in movies to capture the hearts and minds of the audience, but in a review it would not be easy to depict this in a few words.

The nude swimming scene is important, not because it is a "privileged piece of information" but because of the need to be accurate about Crystal Lee Sutton's relationship with the union organizer. Sexploitation by Hollywood would certainly undermine the seriousness and educational content of this film.

Lastly, it is heartening to have critics like J.S. Alias who bring out other aspects which can only be fleetingly touched in the normally short film reviews of NI.

ALIRAN - KE ARAH MANA?



N.I.: *Bolehkah saudara terangkan secara ringkas bila ALIRAN ditubuhkan, siapakah pengasasnya dan kenapa ianya ditubuhkan?*

C.M.: ALIRAN ditubuhkan pada Ogos 1977. Pengasas-pengasasnya terdiri daripada pensyarah, ahli profesional dan pemimpin kesatuan sekerja. ALIRAN ditubuhkan untuk memenuhi satu kekosongan dalam masyarakat Malaysia. Perkauman telah meresapi segala bidang masyarakat. Kepentingan-kepentingan politik dan ekonomi yang menguasai gelanggang politik tidak membentarkan berlakunya perubahan sosial yang bermakna. Oleh kerana kita tidak dapat mengubati masyarakat melalui politik kepartian atau pilihanraya, maka ALIRAN ditubuhkan sebagai sebuah badan yang tidak terlibat dalam politik kepartian atau pilihanraya. Ini bukan perkara yang aneh pada Dunia Ketiga. Banyak perjuangan-perjuangan nasionalisme diperintis oleh badan-badan reformasi. Perlumbangan ugama juga diusahakan oleh badan-badan yang tidak terlibat dalam politik kepartian — sepertimana dibuktikan sepanjang sejarah.

N.I.: *Adakah ALIRAN berpegang kepada satu falsafah tertentu?*

C.M.: ALIRAN percaya bahawa dalam tiap ugama ada nilai-nilai kekal dan abadi seperti belas-kasihan, kesamaan, keadilan, kebebasan, nilai kerjasama dan sikap benci kepada penindasan dan pencerobohan. Nilai-nilai inilah yang menjadi teras falsafah ALIRAN. Nilai-nilai ini harus membimbing manusia dalam hidup berseorangan dan bermasyarakat supaya manusia dapat memahami matlamat dan tujuan penciptaannya. Dengan lain perkataan, teras falsafah ALIRAN dikaitkan dengan matlamat *spiritual*. Berdasarkan teras falsafah ini, kita harus mengkaji struktur masyarakat, kedudukan kelas-kelas dan kumpulan-kumpulan serta sikap dan saikoloji manusia yang wujud dalam keadaan sosial tertentu. Sebagai contoh, harus kita kaji keadaan masyarakat supaya kita memahami kenapa dalam keadaan-keadaan tertentu, sifat tamak haloba mudah merebak ataupun kenapa perasaan belas-kasihan tidak wujud dalam masyarakat-masyarakat tertentu walaupun semua anggota-anggotanya dianggap sama (*equal*).

Setakat ini, ALIRAN belum mengkaji struktur masyarakat dengan cara mendalam dari segi nilai-nilai abadi. Inti makna dan erti nilai-nilai abadi ini pun belum diselidiki cara mendalam. Yang ada hanya nilai-nilai kekal sebagai garis-garis panduan dalam perjuangan kami..

N.I.: *Apakah kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh ALIRAN dan apa pula kesannya ke atas masyarakat kita?*

C.M.: ALIRAN menerbitkan buku-buku dan risalah-risalah dan mengadakan ceramah, forum dan seminar dari masa ke semasa. Setakat ini, 8 buah buku telah dipasarkan.

N.I.: *Bolehkah saudara jelaskan matlamat kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh ALIRAN?*

C.M.: Matlamat jangka panjang adalah untuk mengwujudkan falsafah sosial baru berdasarkan nilai-nilai *spiritual* yang abadi. Matlamat jangka pendek untuk mengusahakan pembaharuan dalam 5 bidang: (a) kebebasan politik (b) pembangunan ekonomi yang benar-benar membawa manfaat kepada orang ramai (c) perpaduan negara (d) sikap progresif dalam ugama, dan (e) menghapuskan rasuah dan segala jenis kecurangan dan penyelewengan.

N.I.: *Ada tidak ALIRAN menghadapi halangan-halangan tertentu terhadap kegiatan-kegiatannya?*

C.M.: Halangan-halangan yang dihadapi oleh ALIRAN boleh dibahagikan pada dua lingkungan — halangan fizikal dan halangan saikologikal.

(a) halangan fizikal bermakna kesulitan-kesulitan yang dihadapi kami dalam perkara-perkara seperti memperolehi permit untuk ceramah atau, forum, atau lesen untuk menerbitkan majalah

(b) halangan saikologikal berkaitan dengan pemikiran kelas menengah yang tidak memahami perjuangan berbilang-kaum atau menganggapnya sebagai satu usaha yang tidak biasa berjaya. Kebanyakan mereka menerima pendekatan berdasarkan kaum atau sekurang-kurangnya berpendapat bahawa ini adalah kenyataan sosial yang tidak dapat dielakkan. Selain daripada ini, pendekatan ALIRAN yang berpandukan nilai-nilai *spiritual* adalah

BELANJAWAN DAN AGIHAN PENDAPATAN DI MALAYSIA

Anuar Mohd. Hashim

Dalam masa dua dasawarsa yang lalu, Malaysia telah berjaya pada keseluruhannya mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang amat menggalakkan. Namun demikian, negeri ini masih menghadapi satu masalah ekonomi yang agak serius, iaitu masalah agihan pendapatan yang tak-saksama. Malahan, mengikut satu kajian yang dijalankan oleh Bank Dunia, negeri ini telah digolongkan dalam kumpulan negeri-negeri di mana darjah ketak-saksamaan dalam agihan pendapatan adalah tinggi.

Menurut kajian itu, pada tahun 1970, 40% daripada penduduk negeri ini yang tergolong dalam kumpulan miskin mendapat hanya

11.6% sahaja daripada semua jumlah pendapatan negeri ini manakala 40% lagi penduduk yang digolongkan sebagai kumpulan menengah mendapat 32.4%. Golongan 20% penduduk yang berpendapatan tertinggi pula memperolehi 56.0% daripada jumlah pendapatan negeri ini!

Di setengah-setengah negeri, belanjawan kerajaan digunakan sebagai satu alat untuk memperbaiki keadaan agihan pendapatan yang tidak saksama. Dalam hal ini, kerajaan boleh mengujudkan struktur cukai supaya iaanya lebih membebankan orang kaya saja. Di samping ini, kerajaan juga boleh memperuntukkan corak perbelanjaannya untuk

memberi faedah yang lebih kepada golongan berpendapatan rendah. Adakah Belanjawan tahun 1981 memainkan peranan ini?

Cukai

Beberapa kajian mengenai struktur cukai di negeri ini telah mendapati bahawa di samping membantuan orang kaya, ia lebih membantuan golongan miskin. Dr. Ismail Mohd. Salleh telah dapati bahawa agihan pendapatan setelah dikenakan cukai adalah lebih buruk dari sebelumnya dan juga bahawa kesan pengenaan cukai ini telah bertambah buruk antara 1968-73. Belanjawan 1981 menganjurkan sedikit

Jadual 1: Perbandingan antara beberapa negeri-negeri mengikut paras pendapatan dan ketak-saksamaan dalam agihan pendapatan

Negeri (tahun)	Pendapatan Per kapita (US\$)	Bahagian Daripada Jumlah Pendapatan Yang Diperolehi Oleh		
		Golongan bawahan 40%	Golongan Menengah 40%	Golongan Kaya 20%
Ketaksamaan pendapatan yang tinggi				
1. Filipina (1971)	239	11.6	34.6	53.8
2. Malaysia (1970)	330	11.6	32.4	56.0
Ketaksamaan pendapatan yang sederhana				
1. Argentina (1970)	1,079	16.5	36.1	47.4
2. Chile (1968)	744	13.0	30.2	56.8
3. Tanzania (1967)	89	13.0	26.0	61.0
4. New Zealand (1969)	2,859	13.6	38.8	47.6
Ketaksamaan pendapatan yang rendah				
1. Sri Lanka (1969)	85	17.0	37.0	46.0

Sumber: Kertas Perbincangan Penyelidikan Pembangunan No. 4, Bank Dunia.

perubahan saja dalam struktur cukai negeri ini. Satu perubahan yang akan mengurangkan sedikit beban cukai orang miskin ialah perubahan dalam kadar cukai eksport ke atas getah. Perubahan dalam struktur cukai kereta juga akan menambah beban cukai orang berada. Namun demikian, pada keseluruhannya struktur cukai negeri ini tetap tidak akan membawa perubahan yang besar dalam pola agihan pendapatan.

Corak Perbelanjaan

Bagaimana pula dengan corak perbelanjaan kerajaan? Jadual 2 menunjukkan anggaran perbelanjaan kerajaan Persekutuan mengikut sektor bagi tahun 1981. Kita dapat bahawa 23% daripada perbelanjaan kerajaan telah diperuntukkan untuk kegunaan keselamatan! Sebahagian besar darinya pula akan digunakan untuk membeli senjata-senjata dan

alat-alat peperangan baru dari iuar negeri.

Antara peruntukan yang dijangka akan membawa faedah kepada golongan bawahan ialah peruntukan-peruntukan untuk perkhidmatan sosial dan perkhidmatan ekonomi. Dalam sektor perkhidmatan sosial, sebanyak \$3,233 juta (14.51% daripada jumlah) diperuntukkan untuk pelajaran dan \$1,044 (4.69%) untuk kesihatan. Sekiranya sebahagian besar ini benar-benar dinikmati oleh golongan bawahan, ia mungkin memberi kesan baik terhadap corak agihan pendapatan di negeri ini.

Tetapi, hasil dari dua kajian mengenai perkara ini telah menimbulkan beberapa persoalan mengenai keberkesanan perbelanjaan kerajaan dalam sektor perkhidmatan sosial ke atas pola agihan pendapatan. Satu kajian oleh Bank Dunia dalam tahun 1974 telah menunjukkan bahawa perbelanjaan untuk pelajaran



Menteri Kewangan Malaysia

tinggi, khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi, telah memberi faedah yang lebih kepada golongan kaya.

NL

Jadual 2: Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor, 1981 (\$juta)

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan	Jumlah Perbelanjaan	%
1. Keselamatan	2,648	2,476	5,124	23.0
2. Perkhidmatan Sosial	4,186	1,244	5,430	24.39
a) Pelajaran	2,808	425	3,233	14.51
b) Kesihatan	907	134	1,044	4.69
c) Lain-lain Perkhidmatan Sosial	471	685	1,156	5.19
2. Perkhidmatan Ekonomi	979	3,797	4,776	21.44
a) Pertanian & Pembangunan Luar Bandar	339	1,733	2,072	• 9.3
b) Perdagangan & Perindustrian	259	560	819	3.68
c) Pengangkutan & Perhubungan	361	1,212	1,573	7.06
4. Pentadbiran Am	1,191	160	1,351	6.06
5. Khidmat Bayar Hutang	1,879	--	1,879	8.43
6. Bayaran Pindahan	3,717	--	3,717	16.69
Jumlah	14,600	7,677	22,277	100

Sumber: Laporan Ekonomi, 1980-81.

DURIAN RUNTUH LAGI UNTUK PEGAWAI KANAN KERAJAAN

Jaafar Sidek

Apabila kerajaan mengumumkan kenaikan gaji kakitangan kerajaan, orang ramai dapat melihat dengan jelas bahawa ianya telah membawa keuntungan besar kepada pegawai-pegawai kerajaan, khususnya pegawai-pegawai kanan.

Namun demikian, sikap murah hati kerajaan terhadap pegawai-pegawai kanannya, tidak berhenti di situ saja. Baru-baru ini, kerajaan telah pun mengumumkan tambahan-tambahan baru kepada kemudahan-kemudahan untuk kakitangan-kakitangannya. Ini termasuklah:

a. kenaikan jumlah pinjaman untuk membeli kereta. Pegawai Kumpulan Khas A ke atas sekarang boleh mendapat pinjaman kereta sebanyak \$30,000 (kenaikan 87.5%). Mereka dalam Kumpulan Khas G ke atas akan mendapat sebanyak \$28,000, Kelas A

\$18,000 dan lain-lain pegawai \$14,000. Tetapi, pinjaman untuk membeli motosikal tidak dinaikkan dari \$120 ke \$200. Jangka masa membayar balik pinjaman ini juga dilanjutkan dari 48 bulan kepada 60 bulan. Tetapi, kadar bunga yang dikenakan tetap kekal 4%;
b. kenaikan dalam tuntutan perjalanan; dan
c. tambahan dalam elaun makanan dan hotel.

Segala tambahan dalam kemudahan yang diberi kepada kakitangan kerajaan ini akan dikuatkuasa mulai 1 Julai 1980. Sekali lagi, pegawai-pegawai atasanlah yang akan mendapat faedah terbesar dari pindaan-pindaan ini.

Harga Barang Terus Naik

Pada 1hb Oktober, kerajaan telah mengumumkan kenaikan harga

gula sebanyak 10 sen menjadi 75 sen. Ini adalah harga tertinggi yang pernah dibayar oleh orang ramai di negeri ini.

Di samping ini, harga barang-barang dan perkhidmatan lain telah diura-urakan akan naik juga. Baru-baru ini, pengilang-pengilang susu dan barang minuman telah mengumumkan yang harga barang mereka akan naik. Susu pekat dijangka naik 15 sen setin mulai 1hb Nov.

Walaupun kenaikan harga barang-barang ini akan dihadapi oleh semua orang, tetapi bebannya akan lebih dirasai oleh mereka berpendapatan rendah. Tidak seperti kenaikan gaji di mana pegawai yang tinggi selalunya mendapat gaji yang lebih tinggi.

NI

Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA, lihat N/ 18, Oktober 1980) telah pula menunjukkan bahawa perkhidmatan kesihatan negeri ini pada masa sekarang masih lagi mengabaikan kawasan luar bandar. Sebagaimana diketahui umum, sebahagian besar dari penduduk miskin terdapat di kawasan luar bandar. Oleh itu, hasil kajian MMA ini mempunyai implikasi yang tidak baik terhadap pola agihan pendapatan di negeri ini.

Jika hasil dari dua kajian ini boleh diterima sebagai benar-benar mencerminkan keadaan menyeluruh di negeri ini, maka kita akan dapat bahawa perbelanjaan kerajaan tidak akan dapat mengurangkan jurang perbezaan di antara golongan

atasan dengan golongan bawahan.

Kesimpulan yang sama juga mungkin dapat kita buat bila kita mengkaji kesan perbelanjaan ke atas perkhidmatan ekonomi terhadap pola agihan pendapatan. Walaupun beberapa golongan berpendapatan rendah akan mendapat faedah dari perbelanjaan ini, tetapi terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa firma-firma besar dan juga

golongan kaya lainnya biasanya menikmati faedah yang terbesar. (misalnya, dari pembinaan infrastruktur seperti jalanraya, bekalan elektrik dan air, dsb). Dari perbincangan yang ringkas ini, dapatlah disimpulkan bahawa Belanjawan 1981, hanya akan memberi kesan yang kecil untuk mengurangkan jurang pendapatan antara penduduk di negeri ini.

NI

Walaupun beberapa golongan berpendapatan rendah akan mendapat faedah dari perbelanjaan ini, tetapi terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa firma-firma besar dan juga golongan kerja lainnya biasanya menikmati faedah yang terbesar.

BELANJAWAN MURAH HATI?

Menurut akhbar-akhbar tempatan, Belanjawan Negara 1981 telah melegakan semua pihak dengan memberi tumpuan yang lebih kepada golongan berpendapatan kecil. Kesimpulan ini mungkin ada kebenarannya. Setelah isi kandungan ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 17hb Oktober yang lalu diteliti, dapti bahawa belanjawan itu boleh membawa faedah kepada golongan berpendapatan rendah tertentu, seperti pesawah padi, pekebun kecil dan peniaga kecil.

Pesawah Padi

Bagi menolong pesawah padi, kerajaan akan menaikkan subsidi harga ke atas pembelian padi secara berkupon dari \$2 sepikul kepada \$10 sepikul. Sebagaimana yang di terangkan oleh Tengku Razaleigh, kenaikan subsidi ini adalah sama seperti kenaikan harga padi jenis se derhana dari \$30 kepada \$38 sepikul dan untuk padi jenis panjang dari \$32 kepada \$40 sepikul. Kenaikan subsidi ini akan menaikkan jumlah pemberian subsidi kerajaan kepada pesawah padi dari \$63 juta kepada \$328 juta setahun.

Kenaikan subsidi yang sebeginit besar memanglah wajar, memandangkan masalah yang dihadapi oleh pesawah padi akibat kenaikan kos pengeluaran dalam masa lima tahun yang lepas (lihat N/ 12, April 1980). Namun demikian, kita juga tidak dapat menafikan hakikat bahawa manfaat dari kenaikan subsidi ini akan lebih dinikmati oleh golongan penanam padi yang memiliki dan mengusahakan tanah sawah yang luas.

Petani padi penyewa dan petani padi yang mengusahakan tanah sawah yang kecil akan mendapat fae-

Maimunah Mohd. Azman

dah yang kecil kerana mereka 'mampu menjual hanya sebahagian kecil saja dari hasil padi mereka. Akibatnya, jurang perbezaan dalam pendapatan di antara penanam padi kaya dengan penanam padi miskin dan juga antara kawasan penanaman dua kali setahun dan kawasan penanaman sekali setahun akan bertambah luas.

Perlaksanaan skim subsidi baru ini juga akan memperkuatkan lagi kedudukan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Sedangkan kedudukan orang tengah di kawasan-kawasan padi akan dilemahkan, usaha ini akan memperkuatkan lagi monopolis LPN, yang masih belum membuktikan kecekapannya lagi (lihat N/ No. 12, April 1980). Keadaan baru ini barangkali akan menyusahkan para penanam padi, yang terpaksa bergantung kepada LPN sekarang. Misalnya, mereka akan membuang masa semasa menunggu layanan LPN dan juga membazirkan wang untuk menunaikan cek dan kupon bayaran di bandar-bandar besar di bank.

Pekebun Kecil Getah

Pekebun-pekebun kecil pula

akan mendapat bantuan tanaman semula yang lebih besar. Bagi pekebun-pekebun kecil getah yang memiliki tanah kurang dari 10 ekar, bantuan tanam semula akan dinaikkan dari \$1,200 kepada \$2,200 sekadar. Bagi tanah yang lebih dari 10 ekar, bantuan tanam semula akan ditambah dari \$900 dan \$950 kepada \$1500 seekar.

Kenaikan dalam bantuan penanaman semula adalah amat wajar memandangkan jumlah cukai demi tujuan ini yang telah dikutip sejak tahun 1952 telah melebihi "bantuan" yang diberi untuk penanaman semula. (Lihat N/ 7, November 1979) Kita juga harus ingat bahawa mengikut *Laporan Ekonomi 1980/81* pada tahun lalu, kadar penanaman semula di ladang-ladang (buat kali yang kedua) adalah dua kali ganda kadar penanaman semula di kebun-kebun kecil (sebahagian besarnya masih belum menanam semula buat kali yang pertama pun!)

Di samping itu, cukai eksport ke atas getah akan dikira berdasarkan gred getah yang dijual dan tidak lagi berdasarkan harga gred RSS 1 yang paling mahal itu. Ini bermakna cukai eksport getah yang dikenakan ke atas pekebun kecil getah akan di-



Dapatkah mereka menikmati Belanjawan Negara 1981?

kurangkan. Sungguhpun langkah ini akan mengurangkan beban pekebun kecil getah, syarikat-syarikat getah besar akan menggunakan kesempatan ini demi meningkatkan lagi keuntungannya.

Peniaga Kecil

Galakan-galakan tertentu juga diberikan kepada peniaga kecil. Satu dari galakan itu ialah rancangan pemberian pinjaman khas di mana seorang peniaga kecil boleh meminjam sebanyak \$50,000 tanpa apa-apa cagaran dan dikenakan bunga sebanyak 7.5% saja. Selain dari itu, pengusaha dan peniaga kecil juga dikecualikan dari cukai jualan dan cukai pembangunan.

Untuk menjayakan rancangan ini, kerajaan akan membelanjakan sebanyak \$90 juta. Memanglah, wang sebanyak itu merupakan jumlah yang besar. Tetapi, jika kita ambil kira hakikat bahawa beribu-ribu peniaga kecil menyumbang sebahagian penting dari keluaran ekonomi kita, maka keberkesanan rancangan ini dari segi peruntukannya diragui.

Dari perbincangan ringkas di atas, memang tidak dapat dinafikan bahawa belanjawan tahun ini memanglah memberi perhatian kepada golongan berpendapatan rendah. Persoalan yang timbul hanyalah dari segi keberkesanan langkah-langkah yang dicadangkan.

Udang Sebalik Batu?

Di samping itu, ada juga se-



Pekebun kecil getah beruntung?

tengah pihak, termasuk majalah *Far Eastern Economic Review*, yang merasakan bahawa tumpuan yang diberi kepada golongan berpendapatan rendah itu lebih didorong oleh keperluan politik parti pemerintah atau puak-puak tertentu di dalamnya yang dapat dibiayai dengan pendapatan hasil minyak yang merupakan durian runtuh. **N1**

BELANJAWAN MENGAWAL INFLASI?

Abdullah Amin

Selain dari bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, strategi Belanjawan 1981 juga dikatakan bertujuan membendung inflasi dalam negeri. Pada tahun 1980, strategi belanjawan kerajaan telah membolehkan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak kira-kira 8% dari segi sebenar berbanding dengan 6.5% yang telah dianggarkan dalam belanjawan 1980. Tetapi, pada masa yang sama, kadar inflasi di negeri ini telah meningkat sebanyak kira-kira 7% berbanding dengan kadar 5-6% yang telah dianggarkan dalam belanjawan dulu.

Langkah Mengawal Inflasi

Antara langkah-langkah yang dicadangkan oleh Belanjawan 1981 untuk mengawal inflasi termasuk:

a. Meneruskan pemberian subsidi untuk mengurangkan harga barang-barang penggunaan seperti subsidi untuk minyak petrol, disel dan minyak tanah. Subsidi juga akan diberi kepada sektor pertanian dalam bentuk benih, baja dan alat pertanian dengan tujuan menambahkan daya pengeluaran dan menstabilkan harga barang pertanian. Kerajaan

dijangka akan berbelanja sebanyak kira-kira \$1,400 juta setahun untuk memberi semua jenis subsidi ini.

- b. Meneruskan langkah-langkah mencegah kegiatan menyorok barang-barang dan kegiatan spekulasi.
- c. Menggalakkan simpanan oleh orang ramai.

Salah satu langkah yang dicadangkan untuk tujuan ketiga ini ialah meningkatkan jumlah sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dari 13% kepada 20%. Di bawah sistem sumbangan baru ini, 11% akan disumbang oleh pihak majikan (berbanding dengan 7% sebelumnya), manakala 9% akan disumbang oleh pihak pekerja

(berbanding dengan 6% sebelumnya).

Kadar Inflasi Meningkat Lagi?

Dengan langkah-langkah ini, pihak kerajaan berharap yang kadar inflasi di negeri ini dapat dikenalkan di paras 7% juga dalam tahun 1981. Mungkinkah matlamat kerajaan ini akan tercapai?

Setengah ahli ekonomi merasa agak sangsi tentang keupayaan strategi belanjawan untuk mengawal inflasi. Mereka merasakan bahawa masalah inflasi akan menjadi bertambah serius pada tahun akan datang berbanding dengan tahun ini. Antara sebab-sebab yang diutarakan oleh mereka termasuk:

- a. kenaikan berterusan harga barang-barang yang diimpot dari negeri-negeri perindustrian,
- b. kenaikan berterusan harga minyak dunia. Perang Iran-Iraq akan pasti menjas bekalan minyak dunia dan seterusnya dijangka akan meningkatkan lagi harga minyak di pasaran antarabangsa,
- c. kenaikan gaji kakitangan kerajaan pada bulan Julai lalu yang patut diikuti oleh kenaikan gaji dan upah pekerja dalam sektor swasta tidak lama lagi. Kesemua kenaikan ini — yang lebih menguntungkan pegawai-pegawai tinggi — akan menambahkan tekanan inflasi dalam negeri, dan
- d. peningkatan yang pesat dalam jumlah perbelanjaan kerajaan. Jumlah peruntukan untuk kegunaan perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 1981 ialah \$23,077 juta — iaitu kenaikan sebanyak \$5,139 juta (atau kira-kira 30%) berbanding dengan tahun lalu. Penambahan yang begitu besar dalam perbelanjaan kerajaan dijangka akan menambah lagi tekanan inflasi dalam negeri.

Sekiranya ramalan yang inflasi akan menjadi bertambah buruk pada tahun depan benar-benar men-

jadi satu kenyataan, maka bebananya akan lebih dirasai oleh rakyat golongan bawah.

KWSP: Menguntungkan Siapa?

Di samping itu, langkah kerajaan menaikkan sumbangan kepada KWSP itu mungkin sudah menimbulkan beban kepada golongan pekerja yang berpendapatan rendah. Sungguhpun kenaikan sumbangan kepada KWSP ini akan membolehkan para pekerja mendapat simpanan yang lebih besar apabila mereka bersara nanti, tetapi ianya akan mengurangkan pendapatan kini yang boleh dibelanjakan oleh para pekerja. Dalam keadaan inflasi sekarang ini, potongan tambahan sebanyak 3% ke atas gaji yang dapat dibelanjakan kini oleh kaum pekerja merupakan beban kepada mereka.

Seterusnya, walaupun simpanan mereka akan bertambah apabila mereka bersara nanti, tetapi jika keadaan inflasi di negeri ini berterusan, nilai simpanan mereka juga akan terjejas. Malahan, ada kemungkinan yang nilai sebenar simpanan mereka itu akan berkurangan.


Di samping itu, pihak majikan juga mungkin menggunakan issu kenaikan sumbangan KWSP mereka sebagai alasan untuk merendahkan kenaikan gaji atau faedah bersara pekerja dalam rundingan mereka dengan pihak kesatuan sekerja nanti. Sekiranya ini berlaku, maka beban kenaikan sumbangan kepada

KWSP akan lebih ditanggung oleh para pekerja.

Ada setengah pihak yang merasakan bahawa langkah kerajaan menaikkan sumbangan kepada KWSP ini lebih didorong oleh keperluannya untuk meminjam dengan lebih banyak lagi dari sumber ini. Selama ini, kerajaan telah bergantung banyak kepada KWSP sebagai sumber pinjaman untuk membiayai kurangan dalam belanjawannya kerana bunga yang dibayar adalah rendah. Sebagai contoh, pada tahun 1979, kira-kira 90% daripada jumlah sumbangan kepada KWSP telah digunakan sebagai pinjaman kepada kerajaan. Pada tahun depan, kurangan belanjawan kerajaan (iaitu kerajaan berbelanja lebih dari hasil yang diperolehnya) akan bertambah besar lagi — bertambah dari \$4,268 juta dalam tahun 1980 kepada \$7,305 juta. Oleh itu, wang pinjaman yang perlu diperolehi dari KWSP pasti akan bertambah. Oleh itu, sangkaan setengah-setengah pihak itu mungkin juga benar.

Sekiranya perkara ini benar, satu persoalan pula akan timbul. Adakah langkah pihak kerajaan memaksa para pekerja menambahkan simpanan mereka dalam KWSP — dan membebankan mereka buat masa sekarang — untuk membiayai projek-projek yang faedahnya tidak semestinya dinikmati oleh pekerja itu sendiri adalah selari dengan matlamat mencapai keadilan ekonomi di negeri ini?

NI



TANDATANYA MENGENAI BATU PAHAT

Hassan Abu Bakar

Apa yang telah berlaku di Batu Pahat baru-baru ini, di mana sekumpulan kira-kira 20 orang yang bersenjatakan pedang dan pisau telah menyerang ibu pejabat polis daerah, sungguh memerlukatkan seluruh rakyat negeri ini. Menurut pihak polis, serangan kumpulan itu, yang mereka panggil sebagai "kumpulan fanatik Islam Melayu" telah mencederakan 23 orang dan empat daripadanya parah. Menurut mereka lagi, lapan orang dari kumpulan itu telah ditembak mati dan yang lainnya telah diberkas.

Di samping merasa cemas mengenai peristiwa itu, orang ramai juga ingin mengetahui kenapa dan bagaimana peristiwa itu boleh berlaku. Ada juga yang tertanya-tanya kenapa ibu pejabat polis pula dijadikan sasaran penyerang-penyerang itu. Walaupun pemimpin kerajaan dan pihak polis telah mengeluarkan beberapa kenyataan, soalan-soalan yang menjadi tanda-tanya orang ramai masih belum terjawab.

Benarkah pemimpin kumpulan penyerang itu seorang mualaf sedangkan Tunku Abdul Rahman, Presiden Perkim — sebuah pertubuhan yang mengendalikan pemulihian pelarian Islam dari Kampuchea di negeri kita — mengatakan Mohd. Nasir itu seorang Islam dari lahir dan bukan mualaf? Adakah benar setengah dakwaan bahawa kumpulan itu cuba membebaskan rakan-rakan mereka yang sedang dalam lokap di balai polis itu?

Benarkah kumpulan penyerang itu hanya terdiri dari fanatik-fanatik Islam yang dipengaruhi oleh ajaran Islam songsang dari luar. Jika ini benar, apa pula matlamat mere-

ka? Adakah hanya sekadar mencedera (mungkin membunuh) orang sajakah? Dan kenapa pula orang-orang Islam tempatan itu, termasuk seorang bekas imam kampung, mudah terpengaruh dengan ajaran songsang itu?

Seterusnya, sejauh mana pula benarnya dakwaan Menteri Besar Johor, Tan Sri Othman Saat, yang mendakwa bahawa kumpulan itu dipengaruhi oleh anasir komunis. Jika ini benar, bagaimanakah pemimpin kumpulan itu, yang telah lari dari regim Pol Pot di Kampuchea, boleh pula dengan mudah diperalatkan oleh anasir komunis. Mungkinkah mereka itu sengaja dihantar oleh Pol Pot sebagai agennya? Ataupun ianya merupakan sangkaan Tan Sri Othman Saat saja yang dengan secara tak langsung telah mengelirukan orang ramai tentang cara, taktik dan kemampuan pihak komunis di negeri ini. Apakah Tan Sri akan memberi bukti yang lebih meyakinkan mengenai



Seorang mangsa penyerang yang kehilangan tangan (Sumber: Star)

dakwaannya itu.

Namun demikian, kecemasan dan keraguan orang ramai harus diredukan. Oleh itu, adalah wajar bagi kerajaan menuju satu suruhanjaya bebas yang terdiri dari negarawan dan rakyat terkemuka untuk menyiasat sedalam-dalamnya peristiwa itu. Hasil penyiasatan mereka itu janganlah pula disimpan dalam fail saja. Ianya haruslah diumumkan kepada orang ramai supaya segala prasangka yang wujud dapat dihapuskan dan perpaduan di kalangan rakyat dapat dikenalkan.

NI

MENGAPA MEREKA SANGGUP BERKORBAN?

Johari Hj. Ismail

Peristiwa penyerangan nekad ke atas balai polis Batu Pahat baru-baru ini oleh sekumpulan 15 orang dari pengikut satu ajaran sesat yang mengakibatkan lapan orang dari anggota kumpulan tersebut terbunuh dan 23 orang yang tidak berdoa, termasuk anggota-anggota polis dan orang awam cedera, akan menjadi salah satu daripada sejarah hi-

tam bagi umat Islam di dalam kurun ke 15 Hijrah.

Kejadian tersebut berlalu dan meninggalkan di belakangnya berbagai-bagai persoalan yang boleh dikatakan sukar untuk dijawab.

Soalan yang utama yang rasanya kita masih lagi tertanya-tanya ialah tentang tujuan sebenarnya yang 15 orang penyerang itu menyerang

balai tersebut dengan begitu buas dan berani sekali.

Mengapakah mereka ini sanggup berkorban nyawa untuk menyerang balai polis tersebut sedangkan mereka tentunya tahu bahawa hanya dengan bersenjatakan pedang dan pisau mereka tidak mungkin akan dapat menawan balai itu yang tersedia di dalamnya dengan berbagai-bagai alat senjata moden, seperti senapang otomatik? Oleh kerana tidak ada jawapan yang jelas terhadap perkara ini maka tidak hairanlah jika timbul pula berbagai spekulasi.

Kita akan mendapat satu teori mengapa kumpulan ajaran sesat ini sanggup menjalankan tugas yang boleh dianggap sebagai tidak siuan itu apabila kita menyelidiki latar belakang kumpulan tersebut dan membandingkan tujuan-tujuan dan semangat mereka dengan apa yang telah didapati dalam kumpulan-kumpulan serupa di seluruh dunia.

Daripada apa yang telah diketahui, anggota-anggota kumpulan yang menyerang balai polis Batu Pahat ini adalah terdiri dari mereka-mereka yang menjadi pengikut satu *religious cult movement*.

Kumpulan Lain

Kita bolehlah setakat ini menge-nang kembali kumpulan *Peoples' Temple* yang dibawa oleh Reverend Jim Jones. Pada tahun 1978, 900 anggota kumpulan ini telah menge-garkan dunia apabila mereka dengan secara beramai-ramai membunuh diri dengan meminum racun *cyanide* di perkhemahan mereka yang terletak di Guyana, Amerika Selatan.

Semenjak peristiwa bunuh diri beramai-ramai oleh pengikut Reverend Jim Jones berlaku, pakar-pakar ilmu jiwa telah mengkaji akan sebab-sebabnya manusia rela berkorban nyawa kerana terlalu percaya akan sesuatu yang telah diturunkan oleh pemimpin-pemimpin yang dianggapkan tidak waras oleh masyarakat umum.

Pendapat Pakar Ilmu Jiwa

Seorang pakar ilmu jiwa dari University of California di Amerika Syarikat, Puan Margaret Singer, setelah membuat kajian ke atas 300 bekas ahli kumpulan ajaran-ajaran sesat di negara itu, mendapat bahawa kumpulan-kumpulan ini akan wujud apabila sekumpulan manusia yang sedang taat beribadat telah dengan secara menyeluruh dipesong-kan dari ajaran yang sebenarnya setelah mereka ini terlalu ghairah dengan pimpinan salah seorang dari mereka yang terdiri dari orang yang mereka anggap sebagai mempunyai karisma dan kuasa-kuasa yang luar biasa.

Seorang lagi pakar ilmu jiwa Stanley Cath dari Tufts University, telah berkata bahawa memang senang untuk mempengaruhi seseorang itu mengikuti sesuatu amalan yang sesat, iaitu pertama sekalinya pengembang amalan tersebut mestilah membuat seseorang itu menaruh kepercayaan penuh kepadanya dan hanya kepada apa yang telah diajarnya tanpa perasaan waswas dan berbelah bagi.

Beliau berkata lagi bahawa pengikut-pengikut amalan sesat ini tak perlu berfikir dan menganalisa tentang apa yang diajarkan kepada mereka kerana ini hanya menimbulkan lagi segala tekanan ketegangan jiwa (*nervous tension*) yang selalu dialami oleh mereka.


Setelah ketua amalan sesat ini berjaya menyakinkan pengikut-pengikutnya tentang amalan yang dijalankan itu, beliau cara tidak langsung akan memaksa pengikut-pengikutnya membuat sesuatu "pengorbanan yang besar", seperti meninggalkan semua harta benda yang dimiliki sebagai bukti pengabdian dan kesetiaan mereka terhadap amalan itu.

Mereka juga selalunya disuruh menjauhkan diri dari masyarakat atau kaum kerabat yang mereka sayangi untuk mengekalkan kesuci-an mereka.

Kenyataan ini dapat menjelaskan mengapa kumpulan fanatik Batu Pahat ini meninggalkan kam-pung-kampung mereka dan duduk beramai-ramai sesama mereka di se-buah perkhemahan terletak di se-buah bukit di daerah Batu Pahat.

Kita juga diberitahu bahawa pi-hak polis telah mengaitkan kejadian serangan ke atas balai polis Batu Pa-hat itu dengan siasatan yang dilaku-kan oleh pihak pejabat kadhi dae-rah ke atas ajaran sesat yang dikatakan sedang berleluasa di Batu Pahat. Kenapa tidak diserang peja-bat kadhi?

Mungkin anggota-anggota kum-pulan fanatik ini sedar yang siasatan pihak berkuasa ke atas ajaran sesat di daerah itu boleh mengancam akan kegiatan mereka.



Balai Polis yang diserang

(Sumber: Star)

Persoalan Yang Tinggal

Semua ini akan tinggal sebagai persoalan-persoalan yang tidak akan habis-habis dibincangkan oleh seluruh rakyat pada masa-masa yang akan datang.

Diharap kejadian yang serupa ini tidak merangsangkan suatu tindak-balas yang melalui dari pihak-pihak tertentu hingga menimbulkan satu 'chain reaction' yang akan menekan kumpulan pergerakan ugama Islam

yang benar-benar menjalankan kegiatan harakah Islam.

Bayang-bayang yang menandakan bahawa pertubuhan-pertubuhan Islam yang sebenarnya mungkin akan menanggung akibat dari perbuatan kumpulan fanatik Batu Pahat itu telah pun ada.

Mungkin mereka-mereka yang betul-betul menjalankan dakwah Islam akan disalah fahamkan atau dituduh menjalankan ajaran yang

salah tanpa mereka terlebih dahulu diberi peluang membela diri di atas tuduhan itu.

Seharusnya kejadian seperti ini tidaklah patut dieksplot oleh mana-mana pertubuhan politik untuk mengutuk dan mengecam lawan mereka kalau tidak ada bukti yang lawan mereka itu terlibat atau bersimpati dengan kumpulan itu.

NI

SEBALIK PERISTIWA BATU PAHAT

Mohd. Hussein Hj. Salleh

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada *Nadi Insan* kerana berjaya memberi penganalisaan yang kritis terhadap berbagai-bagai isu masyarakat. Di sini saya ingin mengemukakan satu perkara terhadap peristiwa Batu Pahat. Setelah membaca akhbar-akhbar tempatan, berbagai tanda tanya timbul dalam fikiran saya.

Mengapakah kumpulan dakwah ini menyerang sebuah balai polis? Tidakkah mereka tahu balai polis mempunyai senjata tersendiri untuk mempertahankan diri dari apa jua serangan? Adakah ini sejenis perang sabil. Pada pendapat saya, penjelasan dalam akhbar tidak dapat diterima akal. Nampaknya, apa yang telah berlaku di Batu Pahat sedang digunakan sebagai alasan untuk mengancam beberapa gerakan dakwah lain yang tidak ganas.

Oleh kerana saya memang anak negeri Johor, saya telah dapat menemui ayah kepada salah seorang yang terbunuh dan beliau merasa tidak kesal atas kematian anaknya kerana anaknya telah melampaui batasan agama dalam kegiatannya. Setelah berbual dengan panjang lebar, maka cerita pun membungkar sedikit demi sedikit.

Anaknya telah menuntut dengan guru yang bernama Nasir, dan pada suatu hari, anaknya telah memberitahu ayahnya bahawa dia ingin

membawa anak-isterinya ke Bukit Payong untuk menuntut ilmu. Ayahnya telah mencegahnya membawa anak-isteri bersama, tetapi beliau tidak setuju. Selepas anaknya bertolak beliau berikhtiar untuk mendapatkan balik cucu-cucunya.

Mengikutnya, kumpulan dakwah ini berjumlah dua puluh keluarga di dalam sebuah rumah kecil. Rumah ini dikawal oleh dua lelaki dari kumpulan itu. Dia dapat melarikan dua cucunya dan selepas itu, dia telah melaporkan perkara ini kepada ketua kampung tersebut dan ketua kampung pula memberitahu polis.

Polis telah berjaya menyerebut rumah ini dan menyelamatkan isteri-isteri dan anak-anak kumpulan dakwah ini. Pada ketika itu, tiada seorang kaum lelaki yang berada di situ kecuali dua pengawal tadi. Yang lain telah mendaki Bukit Payong untuk menuntut dengan guru mereka. Apabila mereka balik dari tempat latihan itu, mereka telah diberitahu bahawa anak-isteri mereka telah dilarikan oleh polis. (Sebenarnya polis telah membahagi-bahagikan keluarga-keluarga ini di beberapa tempat tertentu.

Peristiwa ini telah menyebabkan kemarahan kumpulan ini yang tidak terhingga. Mereka menganggap bahawa polis sudah melarikan anak-isteri mereka ke dalam balai polis. Kemarahan ini pula telah di api-api-

kan oleh dasar penyingkir masyarakat terhadap pembawaan agama mereka. Dengan itu, mereka telah menyerang balai polis untuk menyelamatkan anak-isteri mereka.

Oleh itu, nampaknya, serangan terhadap balai polis bukanlah disebabkan oleh seruan agama, tetapi perasaan kemarahan yang disebabkan anak-isteri mereka dicuri orang. Keganasan yang berlaku seterusnya mungkin disebabkan kemarahan mereka apabila didapati keluarga mereka tidak ada dalam balai polis. Mungkin, mereka melakukan keganasan kepada penghuni-penghuni balai tersebut kerana mereka percaya penghuni-penghuninya telah bershabbat menculik anak-isteri mereka.

Ini tidaklah bermakna saya sokong keganasan seperti ini jika cerita tadi adalah benar tetapi kita harus menanya apakah keganasan ini disebabkan oleh pembawaan agama songsang ataupun oleh apa yang dianggap sebagai ancaman dari dunia luar, terutama sekali dari pihak pemerintah melalui polis.

Kebencian mereka terhadap masyarakat yang menyeleweng dari ajaran agama (dari segi kacamata mereka) memang sudah terjalin. Maka, peristiwa rampasan anak-isteri mereka sudah mencukupi untuk mereka memberontak.

NI

THE IRAQ-IRAN WAR: SOME MILITARY LESSONS

Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon

For decades there has been bad blood between Iraq and Iran and from time to time the two countries have clashed. Since the early 1970s, the border skirmishes escalated when the Shah of Iran supported the insurgency of the Kurds of North-East Iraq.

However, by the Treaty of Algiers of 1975, the two countries agreed to patch up their quarrels and smoke the pipe of peace. In the Shatt-al-Arab, the international boundary of the two countries shifted from the Iranian side of the waterway to the middle of the estuary at the confluence of the Tigris and the Euphrates, and the gateway of the two countries to the Persian Gulf.


The signatory for Iraq was their Vice-President Saddam Hussein and he has been smarting with humiliation ever since. Ever since too, Saddam Hussein, who is now the President of Iraq, has not concealed his desire to recover the disputed border territory and the 100 mile Shatt-al-Arab.

For months, there had been increasingly sharp border skirmishes between the two countries with artillery bombardments and occasional air raids as Iraq stepped up its drive to regain control of the Shatt-al-Arab and of the Musian Region.

President Saddam Hussein wanted a short war and he thought he could stage a *blitzkrieg* the way that Rommel and Guderian sliced through the Ardennes, and Patton cut through Central Germany from the Rhine to the Elbe.

Military Balance

According to the London-based



Iraqi gunners in action

Institute for Strategic Studies, the military balance at the beginning of the war between the two countries was as in Table 1:

On 17-9-80, at a meeting of the Iraq National Assembly, Iraq announced that Iran had broken the terms of the Treaty of Algiers of 1975, and with that President Saddam Hussein abrogated that treaty.

On the 22-9-80, Iraq made a pre-emptive air strike against several cities in Iran and her ground troops and tanks rolled across the border into Iran – the war was on.

War Arsenals

Both sides had spent billions building up their armed forces. On paper, Iran had an army of 415,000 troops; but because of desertions and purges, the effective strength is estimated at 180,000. 250 generals have been replaced by inexperienced junior officers or by military-minded mullahs. The Air Force has 188 F-4, 166 F-5 and 77 F-14 Tomcat fighters. The tanks consist chiefly of 875 Chieftains from Britain.

Iraq, on the other hand, got their equipment mainly from Russia: 80 MIG-23, 60 SU-7 fighter

TABLE 1

	IRAN	IRAQ
TROOPS	415000	220000
TANKS	1700	1800
WAR PLANES	447	339
MAJOR WARSHIPS	7	0
SMALLER FIGHTING CRAFT	17	41

bombers, 30 SU-20 fighter bombers, also some MIG-25 and MIG-27 and the latest tanks namely T-62 and T-72. The Iraqis have also recently acquired the Mirage F-1C fighters.

Thus, we can see that both sides possess a frightening arsenal of war

Both sides have made exaggerated claims about aeroplanes shot down.

and if used wrongly, as they have been wrongly used now, these weapons can smash both sides into smithereens. Thank God, neither side has nuclear-tipped weapons; otherwise, the whole of the Middle East can be blown to bits.

I am reminded of the mid-thirties where in the Spanish Civil War, Germany and Russia used Spain as the testing ground for their latest weapons as a prelude to World War II.

Because of desertions and purges, the ban on spare parts sales by the USA to Iran and the eviction of American servicing crews with a resultant lack of maintenance, the Iranian armed forces were thought to be greatly weakened and not capable of putting up a fight against the well-armed Iraqi forces. President Saddam Hussein had good reason to think that the invasion of Iran would be a walkover, but the resistance put up by the Iranians not only surprised the Iraqis, but the whole world as well.

Iran's Resilience

The Iraqis committed three divisions amounting to about 50,000 troops to the invasion of Khuzestan (Arabistan) — the oil-producing province of Iran. Very early on, Iraq announced the capture of Dezful, the vital oil pumping junction on the highway between Khuzestan and Teheran, and of Khorramshahr, the main port of Iran, but these two cities put up stiff resistance and the latter city

may well turn out to be an Iranian Stalingrad.

The main reason for this is the stiff resistance inspired by the Iranian Revolutionary Guards. The Revolutionary Guards are young and are drawn mainly from the

lower middle class and the poor as well, and they have provided fanatical resistance to the Iraqis. The Shah's Immortal Guards are still suspect to some of Iran's fundamentalists and they have played almost second fiddle to the Revolutionary Guards. None other than Ayatollah Khomeini has told them: "If you are killed, I promise you, you will go to heaven, and if you kill, you go to heaven!!". He also assured them that the fight was be-

tween ISLAM and BLASPHEMY!!

As I have stated before, President Saddam Hussein had planned for an easy and swift victory. After an initial withdrawal, in the face of the Iraqi invasion, along the 500 mile front on the western border with Iraq, the Iranian armed forces hit back on the ground, in the air and on the sea as well. It was the Air Force that put up a creditable performance. The airmen had almost been decimated by the revolutionary purges, but the Iraqi invasion had caused the Iranians to close ranks under Ayatollah Khomeini. The Air Force, in particular, has surprised the world by hitting hard at Iraqi targets even as far as the Iraqi border with Turkey.

Virtual Stalemate

But the war has now sputtered down to a virtual stalemate, with both sides bent on destroying each other's war potential, especially the

JENERAL ZIA GAGAL

Abdullah Amin

Perang Iraq-Iran masih lagi berterusan. Segala usaha untuk menamatkan perang yang tidak diistiharkan itu masih belum mencapai kejayaan. Malah, setengah dari usaha-usaha itu telah menemui kegagalan. Ini termasuklah usaha Gen Zia.

Tetapi kegagalan usaha damai General Zia itu tidaklah seteruk kegagalan yang dialaminya dalam usaha untuk mengharumkan namanya di medan politik antarabangsa, khususnya percubaannya di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (BBB).

Menurut laporan dalam *Far Eastern Economic Review* (FEER), Menteri Luar Pakistan, Agha Shahi, telah mengaturkan supaya Gen Zia berucap di Perhimpunan Agung itu selepas lawatannya ke Teheran dan

Bağdad. Menurut berita itu: "Sebagaimana yang diterangkan secara peribadi oleh diplomat Pakistan (di BBB) dan juga ahli rombongan Zia, Shahi percaya bahawa presidennya mempunyai peluang untuk memperbaiki imej buruknya baik di dalam maupun di luar negeri".

Demi tujuan ini, Gen. Zia telah sampai di New York pada waktu subuh dengan rombongannya seramai 103 orang, termasuk ahli keluarganya. Di sana, Presiden Zia dan keluarganya serta penasihat-penasihat kanannya tinggal di bilik-bilik khas yang dikenakan sewa sebanyak AS\$1500 semalam bagi setiap bilik!

Beberapa jam kemudian, Gen Zia telah menyampaikan ucapannya di Perhimpunan Agung BBB selama 85 minit. Selama ia berucap, tidak sekalipun ia menerima tepukan dari

oil installations. Thus, the Iraqis have set ablaze Abadan, probably the biggest oil refinery in the world, Bandar Khomeini on the east coast with an incomplete petro-chemical plant, and have reduced Khorramshahr to rubble and threatened to reduce other cities to shambles besides bombing Teheran again and again.

Both Khorramshahr and Abadan have been surrounded on all sides, but fierce resistance still goes on within both cities, especially in the form of house to house fighting. The Iraqis have announced the imminent fall of both cities, but the fanatical resistance put up, particularly by the Iranian Revolutionary Guards have defied all odds against them, and both cities may yet prove to be the anvil that will break the back of the advance of the Iraqis.

The Iranians, on the other hand, have set ablaze the city of Basra

para perwakilan di perhimpunan itu. Sebaliknya, seorang pemerhati di gelanggang orang ramai telah memekik "Hukum Mati Kepada Zia".

Ada juga para diplomat yang meninggalkan dewan itu semasa Gen. Zia berucap. Mereka berbuat demikian kerana bosan. Ramai diplomat bersepakat bahawa ucapannya langsung tak bermaya dan tidak mengandungi sesuatu yang baru.

Namun demikian, laporan FEER berpendapat bahawa sambutan dingin terhadap Zia itu mungkin juga disebabkan oleh bantahan mereka terhadap Zia. Para perwakilan termasuk Waldhelm, masih lagi ingat bagaimana Gen. Zia telah mengenepi rayuan mereka supaya Bhutto tidak dihukum mati. PLO juga masih ingat peranan Gen. Zia mengepalai tentera Pakistan membunuh rakyat Palestin dalam mempertahankan Raja Hussein Jordan dalam tahun 1970. Semua tidak dapat dihapuskan dengan satu ucapan yang tak bermaya.

and the oil installations at Fao and also the oil towns of Mosul and Kirkuk. Baghdad, the capital city, has been bombed again and again.

Very early on, the Iraqis announced the capture of Dezful, Ahwaz and Khorramshahr but these victories proved to be premature and after more than eight weeks of fighting, these cities are still in the hands of the Iranians.

Both sides have made exaggerated claims about aeroplanes shot down. Thus, for example, if we were to add up all the Iraqi claims of Iranian planes shot down or destroyed on the ground they would exceed all the Iranian planes that are operational!

And both sides have not fully committed all their weapons to battle. Thus, Iran has not used its Dragon and Tow anti-tank missiles as well as its Hawk anti-aircraft missiles. When these are used, the mutual destruction will be much greater.

Israeli Assessment

But the manner that the war has been fought so far has caused General Mordecai Gur, ex-Chief of Staff of the Israeli Defence Forces to remark that both Iraq and Iran have put up an "unbelievably poor" show with the weapons that they

Both Khorramshahr and Abadan have been surrounded on all sides, but fierce resistance still goes on within both cities, especially in the form of house to house fighting.

have at their disposal. General Gur should now, for he is a veteran of the Arab-Israeli Wars. His paratroopers spearheaded the Israeli capture of Jerusalem. After the Yom Kipper War, he succeeded Gen. David Elazar as Chief of Staff. Gen. Gur said: "The use of aircraft is very poor, the use of anti-aircraft missiles is unbelievably poor and the use of ground forces without any proportion to the tanks and the other equipment they have."



Bani-Sadr near a burning refinery in Tabriz

Let us take the pre-emptive air strike staged by the Iraqi Air Force. It hardly achieved anything worthwhile. Compare this with the performance of the Israeli Air Force under Gen. Hod on the fateful morning of 5-6-67.

In three sweeps over Cairo and other Egyptian airfields, the Israelis actually destroyed the Egyptian Air Force. Then it turned its attention on the air force of Syria, Jordan and Iraq and annihilated them. By noon on 5-6-67, the Israelis controlled the skies over the Middle East and the fate of the Six Day War was a foregone conclusion.

Mistakes & Lessons

Iraq has committed her armed forces by drips and drabs. Initially,

it used 3 divisions of approximately 50,000 of its 220,000 troops for the invasion. Since it hoped to gain its limited objectives in a short swift war, it should have committed massive forces right at the beginning in order to achieve a short swift victory. Instead of a *blitzkrieg*, the war has now degenerated into a war of attrition.

Then, there is the wrong use of tanks. They have been used as stationary and mobile artillery, instead of

roaming through the wide open spaces of western and southern Iran. Contrast this with the superb performance of Brig-Gen. Israel Tal who cut the Egyptian armed forces to ribbons in the 1967 war.

In the Yom Kippur War of 1973, both the Syrians and the Egyptians massed their tanks against the Israelis. Their tanks were, of course, protected by the ring of missiles which took a heavy toll of the Phantoms of the Israeli Air Force. And on the first day of the Yom Kippur War, the Syrians come within a hair's breath of rolling the Israeli forces down the Golan Heights.

Or compare this with the performance of the German tanks under such generals as Guderian, Hoth, Kleist, Manstein, etc., when they spearheaded the advance of the Germans right to the gates of Moscow. If the German generals had been allowed to conduct the war against Russia without interference from Hitler, the German tanks would have swarmed Moscow and gone beyond that city as well.

The Iranians, on the other hand, instead of using the Air Force to attack the tanks massed in the Khuzestan provincial cities of Khorramshahr, Abadan, Ahwaz and Dezful, have indulged in propaganda raids which get plenty of publicity, but do very little real damage to vital oil installations.

If at this critical stage of her war with Iran, Iraq should be stabbed in the back by Syria, the whole Middle East may go up in flames, and even the superpowers, namely the USA and the USSR may well be drawn into the conflict.

Then, there is the use of missiles. As I have stated before, in the Yom Kippur War, the Syrians and the Egyptians used their missiles to take a very heavy toll on the Israeli Air Force, and the latter had to stop their air raids until the enemy missiles had been dealt with. In this



war, the air forces of both sides have been flying deep into each other's territory almost with immunity.

However, I have to be more charitable as this is the first major modern conventional war in West Asia that its Muslim residents have fought against each other, and as in all wars mistakes are bound to occur. However, with all these sophisticated gadgets, the weapons may be fired in the wrong direction and a wrong country may be attacked. And then the whole Middle East may go up in flames.

TAKING SIDES

When the war started on 22-9-80, some Iraqi planes were dispersed among the Arab countries sympathetic to it, namely Jordan, Saudi Arabia, Kuwait and Oman. These countries have openly declared their support for Iraq. But when some Iraqi planes took off from these countries, Iran issued a warning that she would retaliate against countries which gave refuge or allowed their bases to be used by Iraq to bomb Iran. The warning has apparently been effective.

King Hussein of Jordan, who was the first Arab head of state to declare his support for Iraq, has gone further. He has ordered mobilization of transport vehicles to carry food and supplies to the Iraqi army.

Superpower Role

What of the two superpowers — the USSR and the USA? Both have declared that they are neutral in this conflict, but both have moved their naval vessels to the Gulf, thereby increasing the tension. The USSR has more leverage as it has diplomatic relations with both Iraq and Iran and has a Treaty of

Danger of War Spreading

The war between Iraq and Iran has entered the eighth week at the time of writing, and the end is not in sight, although attempts have been made to end it. The longer the war lasts, the greater is the danger of the war spreading.

Friendship with Iraq. According to some sources, it has quietly shipped arms to Iraq through the Jordanian port of Aquaba while allowing its allies, Libya, Syria and North Korea, to supply Iran militarily.

The USA has no diplomatic relations with either Iraq or Iran. Worse still there are the hostages souring its relations with Iran. But she has sent 4 Airborne Warning and Control System (AWACS)

However, with all these sophisticated gadgets, the weapons may be fired in the wrong direction and a wrong country may be attacked. And then the whole Middle East may go up in flames.

planes and Air Force personnel to Saudi Arabia to serve these planes. These sophisticated electronic-surveillance planes can see 250 miles around and so can give Saudi Arabia adequate warning of hostile planes approaching. Iran naturally took offence at this and quite rightly regards this as American intervention in the conflict on behalf of Iraq.

Other Parties

Meanwhile, Iraq has broken off diplomatic relations with Syria, Libya and North Korea for supplying arms and spare parts to Iran. There has always been bad blood between the two branches of the Baath Party in Syria and Iraq. If at this critical stage of her war with Iran, Iraq should be stabbed in the back by Syria, the whole Middle East may well go up in flames, and even the superpowers namely the USA and the USSR may well be drawn into the conflict.

What of the prospects to bringing about a settlement? I regret to say that the United Nations Security Council has not taken any effective action as yet. Like its predecessor The League of Nations, it is impotent in putting out fires like this one.

The Islamic Conference has sent its chairman, President Gen. Zia of NADI SAN, DISEMBER 1980

Pakistan, and Secretary-General Habib Chatty of Tunisia to visit both the sides without any success.

Military Lessons For Malaysia

What of the lessons that Malaysia and other countries can learn from the military aspects of the war? No doubt staff colleges the world over will be studying the implications of the use, misuse and lack of use of weapons in this war.


The only time the armed forces in Peninsular Malaysia have fired a shot in anger against an enemy was during the brief Japanese invasion of Malaya. There were two brief engagements that the Malay Regiment then were involved in. One was at Parit Sulong in Johore and the other was at the Kranji River in Singapore.

Apart from these two engagements, the Malaysian armed forces has experience in fighting against enemies in the jungle, but none

against an invader using modern and sophisticated weapons. As such, we must learn whatever lessons we can from the Iraq-Iran War.

Malaysia will be spending 9.8 billion ringgit for the purchase of military hardware in the Fourth Malaysia Plan. The government also proposes to build an air base in Kelantan costing 2-3 billion ringgit. A detailed study of what is happening in the Middle East now may prove to be fruitful to our military planners. Furthermore, while producing oil itself, Malaysia imports most of the oil we use from the Middle East, and if that source of oil is disrupted, our development will be seriously hampered.

As for President Saddam Hussein, he had hoped for a short swift victory. He had hoped to use that victory as a stepping stone to leadership of the Arab World and perhaps to even greater heights such as leadership of the THIRD WORLD. But such visions may well turn out to be a nightmare and a mirage due to the stubborn resistance of the Iranian Revolutionary Guards.



Iraqi POW's at prayer

KUASA SYARIKAT ANTARABANGSA: MELEBEHI KUASA KEBANYAKAN NEGERI DUNIA KETIGA

Dalam dunia hari ini, di mana hubungan antara kekuasaan politik dan ekonomi berhubung rapat, saiz ekonomi sesuatu negeri atau pun jumlah/jualan sesebuah syarikat amatlah penting.

Conference Board, sebuah badan perniagaan, baru-baru ini telah menyenaraikan antara 100 buah ekonomi yang terbesar di dunia. Kedudukan-kedudukan yang paling tinggi dalam susunan itu didahului oleh Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet, Jepun, Jerman Barat dan Cina.

Bagaimana pun, antara 100 unit yang besar itu, 39 daripadanya bukanlah terdiri daripada negeri, tetapi adalah syarikat. Ini membayang-

Syarikat-syarikat tertentu, seperti syarikat-syarikat minyak, seringkali membuat persetujuan sesama mereka dengan tidak memperdulikan langsung kerajaan-kerajaan berkenaan.

kan kekuasaannya serta kedudukan mereka yang menguasainya.

ESSO

Exxon—yang bernama Esso di Malaysia—syarikat terbesar di dunia, adalah lebih besar dari 90% dari semua negeri di dunia kita. Hanya keluaran tahunan 15 buah negeri yang dapat mengatasi nilai jualannya pada 1979.

Jualan syarikat minyak itu melebihi nilai jumlah keluaran Mexico, Sweden, Arab Saudi dan Argentina. Exxon adalah lebih dari semua ekonomi Dunia Ketiga, kecuali Brazil dan India.

Dari 39 syarikat itu, 18 berpusat di Amerika Syarikat. Syarikat-syarikat Amerika Syarikat ini terdiri dari 8 buah syarikat minyak, 3 buah syarikat kereta (General Motors, Ford dan Chrysler) serta syarikat-syarikat lain seperti IBM (komputer), General Electric, ITT

(elektronik), U.S. Steel, DuPont (bahan kimia) dan Wester Electric.

18 Syarikat Amerika

Walaupun Exxon dapat mengalahkan syarikat-syarikat lain, syarikat-syarikat lain pun tak kurang juga hebatnya. Ford, umpamanya, lebih besar dari Austria dan Venezuela, sementara Mobil lebih besar dari Turki dan Standard Oil of California lebih besar dari Taiwan dan Filipina, IBM lebih besar dari Negri Thai, General Electric dari Algeria, Standard Oil of Indiana lebih besar dari Israel dan DuPont melebihi Ireland.

Dari 21 syarikat lagi yang berpusat di negeri kapitalis, enam adalah

Burhanuddin Abdul Kadir

Untuk menjalankan kegiatan-kegiatan demikian memerlukan kebolehan-kebolehan istimewa serta sikap tertentu terhadap kepentingan insan lain. Sesiapa yang dapat berkerjasama dan mengikuti arus ini akan dapat menikmati faedah yang lumayan.

Gaji Pengerusi Exxon

Umpamanya, Presiden Carter menerima gaji tahunan sebanyak \$450,000 (US\$200,000). C.C. Garvin Jr. pula menerima gaji tahunan \$2,075,000 (US\$830,000) sebanyak pengerusi Exxon. Di samping itu, Carter dan Garvin menikmati keistimewaan lain secara percuma, seperti kemudahan-kenderaan (kereta dan kapal terbang), perumahan, perubatan dan lain-lain.

Sebagai pertukaran bagi kekayaan dan kuasa yang terhad ini, pegawai-pegawai 39 buah syarikat ini dan kawan-kawan mereka yang terdiri dari ketua-ketua negara memberikan perhatian yang rapat kepada pemilik-pemilik saham utama dalam syarikat-syarikat berkenaan. Garvin dan Carter, sentiasa memberikan perhatian penuh kepada depan David Rockefeller dan sekutu-sekutunya terhadap dasar-dasar ekonomi dan politik antarabangsa.

dari Jerman Barat, lima dari Jepun, empat dari Britain dan Belanda dan selainnya dari Perancis, Itali dan Suisse.

Kegiatan ekonomi dan politik 39 buah syarikat ini dikawal dengan ketat dari atas, dan lazimnya dijelaskan secara lebih sulit dan bebas dibandingkan dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Persetujuan Monopoli

Umpamanya, pihak majikan syarikat boleh memilih negeri mana yang paling sesuai untuk bermiaga—seperti menempatkan kilang di mana upah buruh adalah murah, urusan lain di mana sistem cukai atau undang-undang adalah longgar. Syarikat-syarikat tertentu, seperti syarikat-syarikat minyak, seringkali membuat persetujuan sesama mereka dengan tidak memperdulikan langsung kerajaan-kerajaan berkenaan.



AL-KISAH KAPITALISME

KAPITALIS DITUDUH SEBAGAI PEROMPAK

BERATUS RIBU ORANG BERPUPUH SEPERTI
KAMI BEKERJA KERAS DENGAN TULANG
EMPAT KERAT, BERHEMPAS PULAS
DAN BERMAN DIKAN PELUH. KAMI
MEMBINA JALAN RAYA, MELOMBONG
ARANG BATU, MEMUNGUT KAPAS,
DAN MENGAWSI MESIN. KAMI
MELAKUKAN SEGALA SEMUA KERJA


SEHINGGA KAMI MENJADI ORANG
YANG PALING DI PERLUKAN DALAM
MASYARAKAT. TAPI KAMI TIDAK MEMPUNYAI
KUASA DAN TIDAK BERHAK
MENENTUKAN NASIB KAMI SENDIRI

Sebaliknya, PEMILIK - PEMILIK
KILANG, LOMBONG DAN MESIN MENENTUKAN
NASIB KAMI

HANYA MEREKA
YANG BERKUASA.

MEREKA YANG
MENENTUKAN BERAPA CEPAT
KAMI HARUS BEKERJA, BAGAIMANA
KAMI HARUS BERTINDAK DAN
UNDANG - UNDANG YANG PERLU
KAMI PATUHI. MEREKA
MENENTUKAN HIDUP MATI KAMI.
DAN MEREKA MENGENAKAN
SEGALA TEKANAN KE ATAS
KAMI. MENINDAS DAN
MENGHISAP DARAH KAMI...
MEREKA HIDUP ATAS
HASIL USAHA KAMI SAMA
SEPERTI TUAN TANAH
HIDUP ATAS HASIL
TITIK PELUH PETANI
DAN TUKANG KAYU.






GOLONGAN KAPITALIS MEMBELI KESANGGUPAN BEKERJA

PARA PEKERJA SAMA SEPERTI MEREKA MEMBELI JENTERA DAN BAHAN MENTAH. benda bahan mentah ialah benda benda seperti besi, pokok, dan bulu biri-biri. ia di gunakan untuk membuat barang-barang yang dibuat berbagai-bagai barang.)

MEREKA MEMBELI KESANGGUPAN JAKERJA PARA PEKERJA TU PENGGAN UPAH YANG MEREKA BAYAR.

UPAH YANG MEREKA BAYAR MUNGKIN MAHAL DAN MUNGKIN MURAH, TAPI APA YANG SUDAH PASTI IALAH :

PEKERJA TIDAK PERNAH DI BERI GANJARAN SEBENAR SETIMPAL DENGAN USAHANYA.



HANYA SEBAHAGIAN SAHAJA DARI USAHANYA YANG MENDAPAT BAYARAN, MANAKALA SEBAHAGIAN LAGI, TIDAK MENDAPAT BAYARAN. GOLONGAN KAPITALIS MERAMPAK BAHAGIAN INI UNTUK MEREKA.

PARA KAPITALIS MENGGANGGU KERJA YANG TIDAK DIBAYAR DAN BENDA YANG DICURI SEPERTI INI : SEBAIK UNTUNG. KEUNTUNGAN MASUK KE DALAM SAKU MEREKA. DIA MENGENAKAN KEUNTUNGAN INI UNTUK MEMBELI LEBIH BANYAK KILANG DAN MENGAJIBI LEBIH BANYAK PEKERJA, DAN SETERUSNYA MENIMBA UNTUNG YANG LEBIH BESAR.

Dengan cara ini modal bertambah.

Dari dulu hingga sekarang, cara membuat untung tidak pernah berubah : Caranya ia lah beli murah dan jual mahal. Kapitalis membeli harga buruk dengan bayaran yang rendah dan menjual barang-barang yang di hasilkan dengan harga tinggi. Sebarang keuntungan menjadilah miliknya.

SEKARANG, RAHSIA MEREKA TERDEDAH, RAHSIA PARA PENIAGA DAN ORANG KELAS MEREKA. DI SEBAIK SENYUMAN MESRA DAN PAKAIAN MEREKA YANG SERA INDAH ITU, KAMI TAHU BAHAWA MEREKA ADALAH PEROMPAK YANG HIDUP ATAS HASIL RAM PASAN USAHA ORANG LAIN. ANIHINYA DIALAH YANG BERKUASA DALAM MASYARAKAT



DAN
NEGARA (ATAU PEMERINTAH)
menentukan kuasa mereka
tidak terjejas.

SEKARANG, RAJA ATAU PEMERINTAH
TIDAK LAGI MEMERINTAH NEGERI.
MEREKA DIJADIKAN SEBAGAI PENGHIASAN
SEMATA-MATA

KERAJAAN YANG MEMERINTAH
TERDIRI DARI GOLDONG KAPITALIS
DAN PARA PEMBELA KEPMENTINGAN
MEREKA.

KERAJAAN, PARA HAKIM DAN
PEGUAM MEMPASTIKAN
BAHWA UNDANG-UNDANG
NEGARA MENJAMIN KAN
KESELAMATAN KEPENTINGAN
KAPITALIS.

ASKAR DAN POLIS
MEMPASTIKAN BAHWA
UNDANG-UNDANG DI PATUHI


JIKA PARA KAPITALIS
MENGINGINKAN SESUATU
DI NEGERTI LAIN, ASKAR
DAN TENTERA MUNGKIN
AKAN DIHANTAR
BERPERANG UNTUK
MEREPUT APA YANG
DI INGINI ITU.

DAN
NEGARA (ATAU PEMERINTAH)
menentukan kuasa mereka
tidak terjejas.

PARA KAPITALIS
MENGUNAKAN CARA
YANG SAMA SEPERTI CARA
PARA SANDEGAR BAGI
MENGEKALKAN KUASA
DAN PENGARAH MEREKA.

KAPITALIS TELAH MENUKAR
SUSUNAN PEMERINTAHAN
LAMA KEPADA CORAK
BARU.

MAKA TERBENTUKLAH
PEMERINTAH KAPITALIS
GERMAN, PEMERINTAH
KAPITALIS ITALI, AUSTRIA,
JEPUN DAN PEMERINTAH
KAPITALIS AMERIKA
SYARIKAT.



DI BATAS INI

Di batas ini

dulu pernah keringat ini mengalir
mencakar tanah
merenggut-renggut semalu yang berduri
merembat-rembat lalang yang bersemilu
bersama ayah dan ibu
yang tidak mengenal penat dan lesu.

Di batas ini

dulu pernah aku tergelincir
dengan seunting benih
lalu terbenam di lumpur sawah
bisa aku berkata
“saya penat bu”
lantas ibu bersuara
“oh nak jangan kau cepat
mengalah dengan keringat ini”.

Kemudian

dalam musim yang dinantikan
tibanya hari keemasan padi
mata ibu sering berkaca
senyum ibu sering berbunga
tawa ayah sering bergelora
dan tingkah lesung tua
terdengar sayup-sayup di setiap penjuru.

Sekarang aku di batas ini

yang bisa membawa kenangan
di zaman anak-anak
semalu yang berduri
yang dulu pernah aku renggut
kini tumbuh meliar dengan angkuhnya
lalang yang bersemilu
yang dulu pernah aku rembat
kini tumbuh subur dengan egonya.

Sekarang tiada terdengar lagi
tingkah lesung dan wangi emping pulut
tidak ternampak lagi senyum ibu tua
mengekor padi di tikar mengkuangnya
hayunan galah panjang si nenek tua
bersama gobek sirih
di hujung anjung
jangan kau mimpikan lagi
semuanya telah pergi
dan pergi
bersama perubahan zaman
yang bernama teknologi.

Nazsham M.S.
N.S.T. Temerloh.

QUESTIONS OF A WORKER READING HISTORY

Who built seven-gated Thebes?
Books list the names of kings.
Did kings haul the blocks and bricks?
And Babylon, destroyed so many times
Who built her up so many times? Where
Are the houses where the construction-workers
Of golden-gleaming Lima lived?
Where did the masons go at nightfall
When they finished mortaring the Wall of China?
High Rome is full of victory arches.
Who put them up? Whom did the Caesars
triumph over?

Did chronicled Byzantium build only palaces
for its inhabitants? In fabulous Atlantis
the drowned bellowed in the night when the sea
swallowed them up after their slaves.

Young Alexander conquered India
Just he?
Caesar beat the Gauls.
Didn't he at least have a cook with him?
Philip of Spain wept when his Armada
Went down. Did no one else?
Frederick the Great won out in the Seven Years' War.

Who won besides?

A victory on every page.
Who cooked the victory feast?
A great man every decade.
Who paid the bills?

Lots of facts.

Lots of questions.

Berthold Brecht

SOALAN-SOALAN SEORANG PEKERJA YANG MEMPELAJARI SEJARAH

Siapakah membina Thebes bergerbang tujuh?
Buku-buku yang menyenaraikan nama-nama raja.
Raja-rajakah yang memikul batu dan bata?
Dan Babylon yang musnah berkali-kali
Siapakah berkali membinanya semula?
Di manakah letaknya rumah buruh yang membina
Kota Lima gemerlap?

Ke mana pergi tukang batu ketika malam apabila
selesai kerja di Tembok Besar Cina
Roma yang agung penuh dengan gerbangnya.
Siapa yang membinanya? Siapakah yang dikalahkan
oleh Caesar?

Apakah Byzantium bersejarah membina hanya istana
untuk rakyatnya? Di Atlantis indah
Mereka yang tenggelam berjerit-jerit di waktu malam semasa laut
menelan mereka selepas hamba-hambanya.

Putera Iskandar Zulkarnian menawan India
Dia sajakah?
Caesar mematahkan kaum Gaul
Tidakkah ada seorang tukang masak bersamanya
Raja Philip dari Sepanyol menangis bila kapal perangnya tenggelam.
Dia seorang sajakah?
Frederick Yang Gagah menang Perang Tujuh Tahun.

Siapa lagi menang di sampingnya

Satu kemenangan setiap halaman
Siapa memasak untuk meraikan kejayaan mereka?
Seorang ternama setiap dekad
Siapa yang membayar harganya?

Sungguh banyak kenyataan.

Sungguh banyak soalan.

Berthold Brecht

Alihbahasa: Kamal Salih

PIDATO

DR. BURHANUDDIN

Buat ulangtahun ke25 penyampaian pidato yang bersejarah ini, N/ dengan suacitanya mencetak semula petikan-petikan dari ucapannya itu. Pidato ini adalah penting dari beberapa segi kerana sekurang-kurangnya dapat menjelaskan:

anggapan Allahyarham Dr. Burhanuddin bahawa pada ketika itu, Partai Rakyatlah yang melanjutkan warisan perjuangan Kebangsaan Melayu yang bermula dengan penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan telah digantung buat sementara dengan pengharaman Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Partai Kebangsaan Melayu Muda (PKMM). Apakah pandangannya adalah benar patut diperdebatkan tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa ini adalah pendapatnya.

fahaman kiri Allahyarham Dr. Burhanuddin bukan hanya setakat menentang penjajahan, seperti didakwa oleh Kamaruddin Jaafar dalam pengenalannya kepada pidato ini dalam bukunya berjudul *Dr. Burhanuddin: Politik Melayu Dan Islam*. Kita harus ingat bahawa didikan politik Allahyarham yang awal adalah sebagai anggota Sarekat Islam di Indonesia, iaitu Sarekat Islam Merah (bukan Putih) seperti pernah diakui oleh adik Allahyarham sendiri, iaitu Haji Halim Hj. Muhd. Nor. Dalam ucapan yang dipetik di bawah ini, Allahyarham sendiri pernah menegaskan: "... Kebangsaan Melayu itu berkehendakkan keadilan sosial dan sosialisme yang sesuai dengan kita dan perikemanusiaan ..." sudah pasti bahawa terdapat sekarang pihak-pihak tertentu yang

tidak menyetujui pendirian Allahyarham itu. Apakah pendapat Dr. Burhanuddin tepat dan benar merupakan soal penting yang harus dibahaskan. Walau bagaimanapun, tidak patutlah kita cuba menafikan hakikat sejarah demi tujuan tertentu.

Dalam seruan penubuhan Partai Rakyat ini adalah merupakan bekas ahli-ahli PKMM dan API supaya menyokong dan memasuki Partai Rakyat dengan tujuan supaya dapat membulatkan tenaga rakyat yang telah menempuh berbagai-bagai ujian perjuangan yang pahit membela tanah air dan bangsanya supaya terjun kembali kelapangan perjuangan dalam satu bentuk perjuangan baru yang dinamakan PARTAI RAKYAT ini.

PKMM dan API adalah perjuangannya berdasarkan kepada ideologi dan jiwa bukan partai atau pertubuhan. Kerana itulah walaupun PKMM dan API telah diharamkan dan pengikut-pengikutnya dipenjarakan dan ditahan di khemah-khemah tahanan namun jiwa dan ideologinya hidup dan berkembang terus disebut dalam masyarakat yang insaf dan memperjuangkan hak dan keadilan.

... penganjur-penganjur PKMM itu dalam masa rebutan-rebutan memenangi pilihanraya (1955) mereka tetap berdiri di tengah-tengah tidak memihak pada mana-mana partai jua pun, malah memandang pilihanraya itu sepi dan sebagai suatu pilihanraya yang tidak sesuai dengan kehendak rakyat dan palsu jika dibanding dengan tuntutan yang sebenarnya diperjuangkan oleh rakyat.

Kita harus ingat dan mempelajari kembali perjuangan kebangsaan kita.

Wira Jaya



Kebangsaan Melayu ini telah lama tetapi yang tegas dalam bentuk riwayat sejarah kebangkitan kita, ialah dimulakan dari perjuangan KMM, kemudian PKMM, akhirnya pergabungan PUTERA-AMCJA dengan merangkakan Perlembagaan Rakyat di atas 10 dasar PUTERA.

Perlembagaan Rakyat ini menentang Perlembagaan Persekutuan yang ada sekarang ini, perlembagaan yang tak disetujui oleh rakyat menurut aturan demokrasi, hak kebebasan memilih dan hak peri ke manusia. Maka tuntutan-tuntutan Kebangsaan Melayu yang telah disetujui oleh rakyat negeri ini yang berdasarkan kepada 10 anggaran dasar PUTERA, itu sama sekali tidak dihiraukan oleh kerajaan negeri ini padahal, sesebuah Popular Front Rakyat telah pun wujud.

Hujjah penolakan kerajaan ialah momok Komunis; pukul rata siapa saja asal menentang dipandang komunis. Padahal Komunis ada mempunyai ideologi bersendiri dan Nasionalis ada ideologinya sendiri. Inilah helah kerajaan negeri ini yang telah menimbulkan punca kekusutan kerana tidak menimbangkan rasa hati hasrat rakyat negeri ini dengan sebenarnya.

... kita membuat Perlembagaan Rakyat adalah dengan semangat yang bersungguh-sungguh untuk membina suatu Perlembagaan yang

menjadi asas yang bertanggungjawab dari rakyat dengan pihak yang berkenaan di negeri ini supaya rakyat sendiri bertanggungjawab menegakkan keamanan dan kemakmuran negeri ini tetapi manakala kerajaan menolak mentah-mentah saja Perlembagaan Rakyat negeri ini yang telah betul-betul terdiri suatu Popular Front waktu itu maka putuslah harapan rakyat daripada memperjuangkan perlembagaan secara yang dituntutnya. Pada masa itulah undang-undang dharurat diisytiharkan untuk membendung dan menghapuskan Komunis. Tangkap menangkap pun dimulakan, pertubuhan-pertubuhan rakyat seperti API diharamkan, dan huru-hara dalam perjuangan rakyat pun berlaku.

Perhubungan PUTERA-AMCJA turut kucar-kacir dengan penangkapan-penangkapan itu, padahal MCP tidak menjadi ahli dalam pergabungan PUTERA-AMCJA itu sedangkan penangkapan berlaku secara borongan saja. Maka rakyat pun kehilangan arah, lalu mereka terpaksa mengambil sikap sendiri-sendiri tidak dapat dikawal lagi, berjuang dengan tidak mengira perlembagaan lagi; dan mahu tidak mahu MCP pun berundur kerimba.

Pada masa itu tinggallah PKMBR (UMNO) membangga dan merayakan kemenangannya dengan Perlembagaan FEDERATION itu dengan sembilan menteri-menteri besar sebagai lambang baru dalam Perlembagaan tersebut. PKMM terpaksa tutup pintu, maka masa itulah PKMBR mendapat sebesar-besarnya peluang boleh menyatakan kebangsaan negeri ini. Tidaklah terdapat satu pun pertubuhan yang membangkang seperti yang dapat dilakukan oleh PKMM.

Tugas Rakyat

Supaya terang kepada rakyat lagi apakah tugasnya *PERJUANGAN KITA* yang telah ditugaskan kepada rakyat dalam Kongres Partai Kebangsaan Melayu di Negara Hang Tuah 1947 saya menyimpulkan tu-

gas Perjuangan Kita menjadi tugas rakyat seluruhnya dalam satu kata rangkapan:

*Di atas runtuhan Kota Melaka
Kita bangunkan Jiwa Merdeka
Bersatu padulah seluruh baka
Membela-hak keadilan pesaka*

Riwayat Perjuangan Kita masih dapat diingat lagi masa mula-mula kita memekikkan "Merdeka", adalah seperti momok yang ditakuti, tetapi berkat kesungguhan Perjuangan Kita menjalan Tugas Pertama untuk keseluruhan bangsa kita [mengubah] jiwa yang rendah, jiwa yang tertindas di bawah pengaruh penjajah itu diganti dengan bangunan Jiwa Merdeka. Alhamdulillah hari ini Jiwa Merdeka telah menjadi jiwa keseluruhan bangsa kita.

Penjajah cukup memperhatikan perkembangan Jiwa Merdeka ini yang sudah tidak dapat lagi dibendung, ia pasti menjalankan hela dan tipu daya yang lain. Perlembagaan Federation yang dibanggakan dahulu dengan sembilan menteri besarnya sudah tidak berpengaruh lagi. Tipu helah penjajah mesti mengikuti kebangunan rakyat dan kebangkitan rakyat dan sedapat-dapatnya memakai nama rakyat dengan ber-topengkan pilihanraya, memasukkan demokrasi rakyat itu kepada demokrasi bourgeoisie....

Jiwa Merdeka telah digunakan untuk memenangi pilihanraya yang bercorak bourgeoisie yang berakhir dengan mengeciwakan rakyat dan Perjuangan Kita.

Untuk memelihara supaya Jiwa Merdeka yang menurut dasar Perjuangan Kita ini terpelihara dan ti-

dak dihanyutkan oleh taktik baru penjajahan maka setelah Tugas Rakyat Yang Pertama itu mulai tamat hendaklah dimulakan lagi dengan tegasnya pula Tugas Rakyat Yang Kedua dalam rangkapan tadi BER-SATU PADU SELURUH BAKA * MEMBELA HAK KEADILAN PESAKA.

Persatu-paduan kita dalam menciptakan dan melaksanakan SATU BAHASA, SATU NEGARA dan SATU KEBANGSAAN MELAYU inilah Tugas Rakyat Yang Kedua yang mesti kita perjuangkan hingga menjadi tugas keseluruhan rakyat negeri ini sebagaimana Tugas Pertama Jiwa Merdeka telah menjadi tugas keseluruhan rakyat....

Tidak ada lain jalan yang lebih teguh dan benar menjadi pegangan keseluruhan rakyat. Kaedah ini telah dipraktikkan di Burma dan Indonesia, tidak ada sama sekali erti perkauman dan faham kebangsaan yang sempit.

Memperjuangkan Tugas Kedua

Tuan Pesuruhjaya negeri ini telah mengatakan bahawa dharurat ini tak menghalang negeri ini daripada mencapai berkerajaan sendiri. Ini adalah suatu kebijaksanaan yang halus jika pun berkerajaan sendiri berjaya diberikan sedang dharurat negeri ini masih begitu juga. Maka selama berkerajaan sendiri itu kuasa tentera masih ditangan British dan rakyat negeri adalah alat yang utama digunakan untuk menentang dharurat....

Tugas Kedua ini adalah asas persatu-paduan yang teguh dan kukuh,



Dr. Burhanuddin di Sidang Terbuka Kongres Pertama Partai Rakyat Malaya

hak dan adil tidak sekali-kali menyinggung hak bangsa-bangsa dagang di negeri ini dalam bahasa dan kebudayaannya, dan tidak juga ada hal yang menggeciwakan bagi orang-orang dagang yang berhak menuntut dan telah diterima menjadi rakyat negeri sebagai hak 'acquired citizen'. Rakyat yang kita ertikan ialah rakyat menurut istilah perjuangan kebangsaan dan bukan rakyat menurut istilah penjajahan.

Dalam Falsafah Kebangsaan Melayu adalah menunjukkan Kebangsaan Melayu itu berkehendakkan keadilan sosial dan sosialism yang sesuai dengan kita dan peri kemanusiaan, bukan COSMOPOLITANISM.

Utamakanlah tugas kebangsaan lebih daripada tugas kepartaian.

Kemerdekaan yang boleh diterima ialah kemerdekaan yang bercorak demokrasi Rakyat yang tulen.

Jika kemerdekaan bercorak bourgeoisie keadilan sosial tak dapat berjalan dan dharurat yang dikatakan tidak menghalang berkera-


jaan sendiri di negeri ini kelak adalah mungkin sekali akan mengulangi riwayat kedua dharurat yang lebih dahsyat menekan rakyat, dan kemerdekaan sesudah itu mungkin suatu kemerdekaan yang sambang kerana itu corak kemerdekaan hendaklah ditentukan dari sekarang dan bersedia lah rakyat itu menjadi hakimnya kerana itu semata-mata berserah kepada suatu suruhanjaya yang di bawah dari luar negeri semata-mata adalah berlawanan dengan kepentingan Demokrasi Rakyat negeri ini.

Tuhan telah menetapkan undang-undang perjuangan sesuatu bangsa bahawa Tuhan tidak mengubah keadaan sesuatu kaum itu hingga kaum itu mengubah keadaan diri mereka sendiri. Kita bangsa Melayu telah mengubah jiwa diperhamba dan jiwa dijajah kepada jiwa merdeka dan telah selesai menjalankan perubahan babak pertama Jiwa Merdeka dan sedang beredar kepada babak kedua iaitu bersatu padu.

Kebangsaan Melayu itulah yang tumbuh berkembang jadi sebagai parti saya dan saya tidak ada berpartai lagi selain Kebangsaan Melayu, sebagai sifat parti saya. Kerana saya memandang semua parti dan pertubuhan-pertubuhan adalah sama tarafnya jika mundur saya dorong, dan jika progressive lakunya saya sokong, sama ada untuk perjuangan babak pertama yang lalu demikian pulalah dalam babak yang kedua ini menuju persatu-paduan keseluruhan rakyat. Saya tetap bersama-sama perjuangan rakyat yang tulen dan Kebangsaan yang tulen.

Di atas *Tugas Rakyat Yang Kedua* inilah kita asaskan pula *Tugas Rakyat Yang Ketiga*:

Ikrar bersatu padu atas kebangsaan
Dibangunkan di atas jiwa kemanusiaan
Menegakkan adil makmur kesentosaan
Dazhir batin mendapat kebahagiaan



Dr. BURHANUDDIN:
PUTERA SETIA
MELAYU RAYA

BORANG PESANAN

Nama & Alamat:

- \$2.00 untuk "Dr. Burhanuddin"
- \$3.00 untuk "Merintis Jalan Ke Punchak"

TAWARAN ISTIMEWA

- \$4.50 untuk kedua-dua buku

Sila kembalikan borang ini serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

DUA KARYA POLITIK KEBANGSAAN OLEH AHMAD BOESTAMAM

Bekas Ketua API (Angkatan Pemuda Insaf),
Parti Rakyat Malaya, Parti Marhaen, PEKEMAS

MERINTIS JALAN KE PUNCHAK

Seorang pejuang kebangsaan mengisahkan perjuangan nasionalis yang menentang penjajahan di Malaya pada zaman 1945-1948, iaitu antara Peperangan Dunia Kedua dan Pengisytiharaan Darurat. Buku ini telah dipilih untuk diterjemahkan oleh Prof. W. Roff (pengarang "Nasionalisma Melayu") sebagai karya yang mewakili semangat nasionalisme tanahair kita. (181 halaman, hanya \$3.00)



DR. BURHANUDDIN: PUTERA SETIA MELAYU RAYA

Kisah perjuangan umat Islam yang menentang imperialisme dan membela demokrasi. Almarhum Dr. Burhanuddin Al-Helmy pernah menjadi anggota Sarekat Islam Merah dan kemudiannya ketua beberapa badan politik kebangsaan termasuk PEKEMAS (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat), PUTERA-AMCJA, Parti Islam SeMalaya dan juga seorang pengasas Parti Rakyat Malaya. (78 halaman; hanya \$2.00)

SIDANG RAKYAT

Hasnul Hadi

Ayam sudah mulai berkокok. Ketika itu Omar sudah sedar dari tidur. Memang tiap-tiap pagi ia terjaga ketika ini, ketika hari belum subuh. Sudah menjadi kebiasaan, sekali matanya terbuka, ia tidak boleh tidur semula lagi.

Omar tidur dengan kain pelekat sahaja. berlenggeng tiada berbaju, tiada bersinglet pun. Ini juga sudah menjadi kebiasaan, sekalipun hujan lebat. Ia baring di atas tikar mengkuang yang sudah lesu. Bantalnya keras dari kerkabu kampung.

Biasanya bila ia sedar dari tidur, ia melenting dari tikar dan terus ke dapur. Oleh kerana terlalu sejuk di waktu pagi, ia hanya mencuci muka sahaja — ia menggosok gigi dengan arang dan komor-komor dua/tiga kali sahaja. Selepas itu ia menegok air kopi-o dengan lempeng beras atau nasi semalam digoreng yang telah disediakan oleh isterinya. Kemudian, ia ke bawah rumah untuk mengambil baldi, pisau toreh dan bakul segrap dan terus pergi menoreh dengan basikal buruknya.

Tetapi, hari itu Omar tidak melenting. Tiada guna bangkit dari tempat tidur kerana hujan masih turun lagi. Sekali-sekala terasa tempias memukul mukanya. Kalau hujan renyai-renyai, air tidak masuk ke dalam rumah. Tetapi, bila hujan turun dengan lebat dan dipalu pula oleh angin yang kuat, serambi, dapur serta tengah-rumahnya semua sekali basah kuyup.

Omar dengar bunyi kelentang-kelentung di dapur. Kalau tidak hujan isterinya juga sudah keluar menoreh. Isterinya hanya menoreh di sekeliling rumah. Tanah itu luas dua ekar, kepunyaan Haji Talib. Kerana sanggup menoreh serta menjaga kebun itulah maka mereka dibenarkan membuat pondok di situ.

Ia sedar isterinya sibuk di dapur. Sudah tentu lempeng beras atau nasi basi digoreng lagi. Tetapi, lewat semalam ia melihat isterinya membawa sebiji kelapa kering. Mungkin ada perubahan hari ini. Jangan-jangan lempeng beras bercampur kelapa! Dari apa segi, lebih sedap roti-canai kedai Bakar.

Omar bangkit dari tempat tidur perlahan-lahan. Ia seperti biasa turun ke dapur. Selepas mencuci muka dan menggosok gigi, ia menyingkap tudung-saji. Betul sungguh, lempeng beras disulam dengan kelapa. Dihirupnya kopi-o yang tersedia dan dilicinkan pinggan lempeng-

beras-kelapa. Kemudian dengan perlahan juga ia turun ke laman.

- Hendak ke mana tu, Cik Abang?
- Ke Sempang.
- Masih hujan lagi.
- Sudah beransur teduh.
- Ke kedai Bakar?
- Tidak. Ke kedai Ah Leng.
- Hendak beli apa?
- Cari rokok.
- Tinggalkan duit belanja.
- Tiada duit, belum jual getah.
- Apa hendak buat lauk?
- Cekup manis masak lemak.
- Kelapa sudah habis buat lempeng.
- Lebih baik lempeng tanpa kelapa.
- Tidak baik pun licin.
- Sembelih ayam.
- Tidak boleh. Ayam belum besar lagi.
- Tidak boleh yang kecil, potong ibunya.
- Ibunya hendak jual, buat beli baju raya.
- Nanti aku kirim lauk dengan sesiapa yang boleh.

Rumah Omar tidak jauh dari pekan kecil di kampung ia duduk, kira-kira setengah batu sahaja. Dari pondoknya ia berjalan kaki, memakai seluar panjang berwarna hitam





dan berkemeja putih terdedah. Ia keluar dari kebun getah Haji Taliib dan melalui tiga/empat buah rumah kecil, ia naik ke jalan raya. Dari situ ia terus ke pekan Bukit Balai.

Kampung Bukit Balai adalah sebuah daripada berpuluhan-puluhan kampung dalam Negeri Melaka. Kampung ini terdiri dari tiga buah bukit — Bukit Gaong, Bukit Balai dan Bukit Apit — yang dikelilingi oleh tanah paya yang landai. Bukit Balai juga hampir dengan Bandar Melaka, dan di sebelah hilir kampung itu mengalir Sungai Bertam, iaitu satu daripada anak-sungai Sungai Melaka.

Dari sejak orang mula berkampung di Bukit Balai, penduduk-penduduk di situ hidup bercucuk-tanam dan menangkap ikan. Mereka dirikan pondok-pondok mereka di lereng-lereng bukit supaya mudah mendapat air dan senang juga pergi ke lubuk-buaya di mana mereka menangkap ikan darat. Dari situ juga mereka dapat menjaga cucuk-tanam mereka.

Di tanah paya yang luas di kampung itu, mereka membuat bendang. Masing-masing keluarga mempunyai sawah masing-masing. Mereka ambil tanah secukup gunaan mereka sahaja dan sempadan kawasan masing-masing ditandai dengan batas-batas dari lumpur sawah sahaja. Tanah-tanah yang tidak digunakan untuk tanaman pula dibiarkan untuk memelihara ternakan.

Tanah bukit-bukit di kampung itu tidak dipecah-pecahan. Di situ terdapat dusun-dusun buah-buahan mereka. Dusun-dusun ini adalah kepunyaan bersama. Di waktu musim buah, jamulah selera masing-masing sekehendak hati — tidak ada jual-beli, tidak ada tawar-menawar, dan tidak timbul perhitungan untung-rugi.

Penghuni-penghuni di situ hidup dalam keadaan aman-damai. Mereka saban bantu-membantu serta tolong-menolong. Pendek kata, palasapah hidup mereka ialah: Berbudi kepada tanah, lambat-laun dibalas jua. Mereka menghadapi masalah besar-besaran bersama — Berat sama dipikul, ringan sama dijunjung. Mereka sama-

sama memikul tanggungjawab — Ke bukit sama didaki, ke lurah sama diharungi. Dan mereka bagi hasil kampung mereka sama-rata — Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

Setelah datangnya penjajahan Inggeris dengan *Plantation* serta *cash* ekonomi mereka, keadaan ini telah berubah samasekali. Sadar-sadar bukit-bakau kampung itu telah menjadi rebutan dan dusun-dusun kampung itu tidak semena-mena diganti dengan ladang-ladang getah. Turut bersama datang peniaga-peniaga membawa segala khazanah untuk jualan.

Ketiga-tiga bukit dalam Mukim Bukit Balai sudah menjadi hak orang. Di Bukit Gaong terdapat Tan Seng Lock Estate. Bukit Apit sekarang ini adalah kepunyaan Mengkuang Estate. Dan Bukit Balai sudah menjadi harta Goooday Tyres Limited.

Masa ini terdapat sebuah pekan kecil di tengah-tengah Kampung Bukit Balai. Pekan ini terletak di tiga persimpangan jalan. Satu daripada tiga jalan raya ini membawa pengguna-penggunanya pergi ke dan balik dari Bandar Melaka. Jalan yang kedua menuju ke Utara, membawa kenderaan ke Alor Gajah, Tampin dan Pusat Negara. Dan jalan ketiga pula mengarah ke Selatan, iaitu menghubungi Jasin, Muar dan pulau Lee Kuan Yew.

Simpai di jalan raya, Omar terus ke kedai Ah Leng. Ah Leng adalah sahabat karibnya. Mereka bukan sahaja besar bersama, mereka juga bersekolah bersama-sama di Sekolah Kebangsaan Bukit Balai. Ayah Ah Leng telah membuka kedai runcit itu sebaik-baik sahaja getah-getah di estet-estet mulai ditoreh. Sekarang ini ia sudah tua dan uzur. Ah Leng menjadi harapannya.

— Assalamualaikum, Ah Leng.

— Mualaikum Salam, Ustaz Omar. Kalau engkau kata *Good Morning*, aku jawab *Good Morning* pula.

— Aku cuma hendak mengajar engkau berbahasa halus.
— Aku tahu maksud engkau, Omar. Tetapi, aku lebih penting dunia sekarang dari dunia akhirat. Kalau boleh aku hendak jadi Bumiputra macam engkau. Hak istimewa. Boleh senang dapat tanah, mudah dapat lesen perniagaan, boleh dapat pinjaman wang, dapat bantuan serba-serbi lagi.

— Engkau mana boleh jadi Bumiputra. Engkau orang mendatang.

— Bapak aku engkau boleh kata orang mendatang. Tetapi, aku macam engkau juga — beranak, besar dan dididik dalam kampung ini.

— Jangan engkau fikir semua Bumiputra beruntung, Leng. Aku menumpang tanah orang lagi. Engkau ada perniagaan, aku cuma melakukan perniagaan engkau sahaja. Dan Bank Bumiputra tidak kenal malah tidak percaya dengan aku.

— Agaknya engkau ini Bumiputra kelas tiga.

— Ya, Leng. Sebenarnya aku tiada masuk perhitungan langsung. Bawa rokok Benson & Hedges sebungkus.

— Hisap rokok berkelas!

- Berapa sebungkus sekarang?
- Sudah naik lagi. \$1.40 sekarang.
- Wah! Lebih banyak engkau dapat untung.
- Bukan aku dapat. Aku beli harga \$1.30. Aku dapat cuma 10 sen sahaja. Syarikat Benson & Hedges yang dapat \$1.30, engkau tidak bersungut.
- Aku marah engkau, engkau hantam dia pula.
- Kalau aku marah dia, engkau nanti tidak dapat rokok. Ini masa beli rokok mahu *cash* tahu, Omar. Aku tidak beri cash tidak dapat rokok.
- Aku tiada duit hari ini, Leng. Pinjam aku \$8.60 lagi. Jual getah nanti aku jelaskan.
- Hutang engkau sudah banyak tau, Omar. Pakkal engkau sahabat aku.
- Mari aku belanja engkau di kedai Bakar.

Kedai kopi Bakar terletak betul-betul di muka simpang jalan yang mengarah ke Bandar Melaka. Bakar berumur kira-kira tiga puluh tahun dan sudah menjalankan perniagaan di situ selama lebih kurang empat tahun. Sebelum ia memegang teraju perniagaan, ayahnya menjaga kedai itu. Setelah ayahnya meninggal dunia baru-baru ini, ia memegang kuasa penuh. Di waktu ayahnya ada, Bakar hanya menolong di waktu malam hari sahaja.

Kedai Bakar memang selalu dibanjiri orang, terutama sekali dari petang hingga ke tengah-malam. Tetapi, bila hari hujan, kedai Bakar menjadi tumpuan pekerja-pekerja yang tidak dapat keluar bekerja.

Di Bukit Balai ada tiga buah kedai kopi dan tiga warong kopi yang lain. Tetapi, nampaknya Kedai Kopi Bakar adalah yang paling popular. Bakar pandai bersaing dengan kedai-kedai kopi yang lain. Selain dari kopi dan teh, Bakar adakan roti canai dan kueh-kueh kampung. Waktu malam hari, TVnya dibuka hingga akhir siaran tengah-malam.

Sungguhpun hari masih pagi lagi, orang sudah ramai di Kedai Bakar. Di hadapan kedai itu ada dua meja panjang dan tiga meja bulat. Bila Omar dan Ah Leng tiba di kaki-lima kedai Bakar, mereka lihat Khalid bersandar di atas bangku panjang di meja panjang nombor satu. Khalid sudah tiada bekerja lagi, bersara tanpa mendapat pencen. Dia berkain gombang sahaja dan di hadapannya terletak secawan kopi-o sahaja. Di sebelahnya duduk Johar, seorang muda yang baru kahwin dan bekerja di Bandar Melaka sebagai budak-pejabat. Ia berseluas panjang dan berkemeja tangan pendek. Di hadapannya terletak secawan teh dan sepiring nasi lemak yang sudah habis dimakan. Di hadapan mereka duduk Siddek dan Shafie yang sedang makan roti canai dengan kopi susu.

Di meja panjang yang bertentangan dengan meja yang mereka duduk itu duduk pula Sidang Salleh dengan Cikgu Shariff. Cikgu Shariff dengan kaca-maca buatan Rodenstock dan Sidang Salleh dengan songkok hitamnya. Kereta Cikgu Shariff terletak di hadapan kedai, manakala motosikal Datuk Sidang didirikan di belakang kereta itu.



Dua meja bulat masih kosong lagi. Meja bulat yang ketiga diduduki oleh Raju, seorang pekerja dari Mengkuang Estate, bersama-sama dengan Samad dan Baharin dari Tan Seng Lock Estate.

Omar dan Ah Leng terus tuju ke meja Khalid. Semua orang di kampung itu gemar bercakap dengan orang tua ini. Dia mempunyai banyak pengalaman. Ia pernah bekerja di Trengganu sebagai Inspektor Bas, di Kuala Lumpur sebagai Supervisor Kilang dan di Singapura sebagai Serang di kapal.

"Good Morning, Pak Khalid dan semua orang dalam kedai ini, termasuk taukehnya yang sedang membuat duit," kata Omar.

Taukeh Bakar tersenyum. Khalid sahaja yang menjawab, *"Morning, morning."*

- Boleh saya duduk di meja ini?
- Boleh, boleh.
- Bakar, buat kopi untuk semua orang di meja ini. Dan, satu orang satu roti canai.

Cikgu Shariff dan Sidang Salleh menjeling sahaja. Raju berteriak dari meja bulat, "Meja aku apa macam, Omar?"

"Engkau pekerja estet besar-besar ada banyak duit, jawab Omar.

"Itu betul," kata Khalid. "Belanja orang susah, bukan orang senang."

"Ini hari ada masuk apa, Omar?" tanya Johor.

"Tidak. Kalau tiada duit aku hutanglah," jawab Omar.

Berderang bunyi cawan serta piring di tangan Bakar jatuh ke meja buat kopi.

"Jangan takut, Bakar. Aku ada bawa *cashier* bersama-sama aku. Kalau aku tiada duit engkau bayarkan karang, Leng," kata Omar.

Ah Leng tersenyum sahaja.

Sambil mereka menunggu kedatangan minuman serta roti canai, masuk Dollah. Dollah sungguh tinggi serta

kurus. Ia memakai kain pelekat dan kemeja belang tangan panjang. Di hadapannya orang memanggilnya Pak Lah, tetapi di belakang orang menyebutnya sebagai Dollah Jel. Di waktu muda ia terlalu nakal. Pernah masuk-keluar lokap, pernah masuk jel. Pernah juga ke Siam dan di sana kahwin dengan orang Siam.

"Meja rakyat aku lihat sudah penuh. Boleh aku mencelah?" Dollah bertanya.

"Tarik kerusi, Pak Lah. Di sini tiada *quorum*," sahut Omar. Dan kepada Bakar ia berteriak lagi, "Satu lagi kopi dan satu lagi roti".

Dollah menarik kerusi dari meja bulat yang kosong lalu duduk dekat dengan Omar.

"Sebelum aku lupa," kata Dollah, "Aku ada bawa buah jambu untuk Pak Khalid. Tetapi, aku lihat ramai di sini."

"Tidak mengapa, Pak Lah. Bagi sahaja kepada Pak Khalid dan Pak Khalid akan bukakan kepada rakyat ramai," kata Omar. "Bukan begitu, Pak Khalid?"

"Ya. Bawak sini," kata Khalid. "Kecil tapak tangan, bakul plastik aku tadahkan."

"Niru tadahkan," kata Shafie.

"Betul itu, Pak Khalid," sahut Omar. "Niru sudah tidak digunakan lagi. Rumah aku pakai baldi plastik, bakul plastik, kertas bungkus plastik dan tudung-saji plastik. Rumah-rumah Datuk Sidang dan Guru-guru lagi banyak pakai plastik. Jadi, apa hendak kenangkan niru lagi. Dengan kedatangan plastik, perusahaan bakul buluh terus mati. Bahasa mesti ikut zaman!"

Datuk Sidang dan Cikgu Shariff kerling sahaja. Sambil bersiu Bakar datang membawa kopi dan roti canai. Oleh kerana banyak sangat ia terpaksa berulang dua kali.

Omar: Aku dapat lempeng kelapa sahaja pagi tadi.

Khalid: Engkau untung baik dapat lempeng. Aku cuma dapat teh kosong sahaja.

Dollah: Lempeng adalah kueh Melayu asli. Ini roti canai, kalau aku tidak silap, adalah berasal dari India.

Omar: Engkau, Pak Lah, sikit-sikit hendak sebut Melayu. — Kueh Melayu, orang Melayu, Bangsa Melayu, apa lagi Melayu?

Dollah: Bukankah Datuk Hang Tuah sudah berkata, "Melayu tidak akan htiang dalam dunia!"

Omar: Hang Tuah salah. Melayu sudah hilang sekarang ini. Engkau, Ah Leng, adalah rakyat Malaysia keturunan Cina. Raju adalah rakyat Malaysia keturunan India. Aku adalah rakyat Malaysia keturunan Melayu. DAN roti canai adalah kuih Malaysia berasal dari India.

Siddek: Aku bumiputra. Mari kita makan.

Omar: Apa hendak dimegahkan dengan perkataan Bumiputra itu. Ya, tak, Pak Khalid?

Khalid: Engkau orang tahu mengapa orang Melayu sudah jadi Bumiputra?

Shafie: Pasal negeri ini kita punya.

Khalid: Salah.

Johar: Pasal kita anak jati negeri ini.

Khalid: Engkau bukan Sakai, Semang, Jakun, Murut atau Kadazan.

Siddek: Apa pasal Pak Khalid?

Khalid: Ini engkau orang patut tahu. Jangan, orang kata Bumiputra, engkau kata Aku Bumiputra. Orang kata Bank Bumiputra, engkau kata Bank itu bumiputra punya. Tetapi, orang makan ayam hari-hari, engkau makan cicah sambal belacan sahaja.

Johar: Terangkanlah betul-betul Pak Khalid.

Cikgu Shariff dan Sidang Salleh berbisik.

Khalid: Di waktu negeri kita Malaya sahaja dahulu, orang-orang Melayu berjumlah 53% penduduk Malaya. Jadi, orang Melayu adalah majoriti dalam negeri. Tetapi, bila Malaysia terbentuk, orang Melayu sudah menjadi minoriti dengan jumlah sebanyak hanya 43% penduduk Malaysia. Supaya Malaysia tidak ditentang oleh orang Melayu, mereka terpaksa diyakinkan bahawa mereka masih majoriti lagi. Jadi, mereka dicampurkan dengan Sakai, Semang, Jakun, Murut, Kadazan dan lain-lain dan diberi nama Bumiputra yang sekarang ini majoriti dalam negeri ini.


Omar: Jadi, kita tidak kira tujuan atau menguntungkan Inggeris atau kita. Kita sokong kalau kita majoriti, apa bentuk majoriti tidak menjadi soal!

Siddek: Nampaknya, kita sudah terkena!

Omar: Apa boleh buat, pemimpin-pemimpin kita telah memberi gambaran yang lain kepada kita. Mereka tidak memberi keterangan macam Pak Khalid tadi.

Cikgu Shariff dan Sidang Salleh memandang serang sahaja.

Sambil mereka minum air dan makan roti canai, masuk ke dalam kedai Yussof dan Ramli. Mereka berdua berumur kira-kira dua puluh tahun, baru keluar dari bangku sekolah dan sekarang ini bekerja di gudang elektronik. Mereka masuk duduk di meja bulat yang kosong.



Khalid: Yussof, aku tengok engkau termengah-mengah dalam hujan menolak kereta pagi tadi. kereta siapa? Berapa engkau dapat upah?

Yussof: Kereta Encik Aziz, kerani besar Syarikat Berlian. Dia hendak beri duit, saya tidak terima. Saya tolong sahaja.

Omar: Murah betul hati engkau.

Yussof: Tolong-menolong, abang Omar.

Omar: Itu bukan tolong-menolong. Perbuatan engkau itu tolong-tidak-menolong, namanya.

Yussof: Kasihan, abang Omar. Ini hari dia, esok siapa tahu?

Omar: Engkau merendahkan diri dengan tidak kena tempat. Cuba engkau dalam kesusahan — basikal engkau puncet — kerani besar, doktor, loyar, orang-orang pakai kereta besar-besar tidak turun ambil engkau. Tidak percaya, engkau try. Orang macam kita juga yang akan menolong engkau.

Khalid: Yussof tidak salah dalam perkara ini. Dia tidak paham sikap orang-orang atasannya itu. Orang-orang ini menganggap bahawa oleh kerana mereka di atas, memang sudah menjadi kewajipan kita menolong mereka. Kalau orang-orang di bawah susah, itu adalah masalah kita bersama.

Omar: Kesalahan ada pada orang kita juga. Kita terlalu murah-hati. Lihat Pak Long Seman, dia tiada makan ayam, diberinya dua ekor kepada Pegawai periksa talair.

Siddek: Pak Long Seman itu angkatan tua. Kita angkatan muda. Tentu mesti ada perbezaan.

Omar: Angkatan muda tiada beri ayam. Tetapi, sanggup tolak kereta.

Ketika itu Samad dan Baharin keluar dari kedai. Melihat Raju keseorangan diri, Omar mengajak ia ke meja mereka. Melihat cawan-cawan kopi sudah kosong. Dollah berteriak kepada Bakar, "Bakar, tolong beri kopi satu round lagi. Kali ini kira aku."

Omar: Syabas, Pak Lah. Ini macam persidangan kita boleh diteruskan lagi. Kalau tidak Bakar akan menarik muka masam. Kopi sahaja, Pak Lah? Hari sudah hampir tengah hari. Sudah sampai masa makan tengahari. Kalau dapat mee-goreng, perut tiada menderu.

Johor: Ya, Pak Lah. Sudah lama tiada dapat makan belanja Pak Lah.

Dollah: Baiklah, baiklah. Ini kali sahaja tahu.

Khalid: Jangan khuatir. Pak Lah bukan boleh belanja satu round sahaja, aku jamin dia boleh bayar 10 ke 20 pusingan lagi. Engkau orang jangan tidak tahu, Pak Lah hendak jadi O.K.B.

Dollah: Pak Khalid mana tahu aku hendak jadi orang kaya baru?

Khalid: Pak Lah jangan sembunyi, sembunyi.

Dollah: Sembunyi apa?

Omar: Wah, Pak Lah ada komplot sulit. Sama kita lain, di belakang kita lain.

Dollah: Apa komplot sulit. Aku tiada paham.



Khalid: Pak Lah cakap betul-betul. Ada tak Pak Lah hadir dua hari yang lalu dalam mesyuarat di rumah Cikgu Raman? Jangan selindung-selindung.

Dollah: Pak Khalid mana tahu? Pak Khalid ada taruh spy agaknya. Atau Pak Khalid ada duduk di bawah rumah.

Khalid: Jangan pedulik pasal spy. Jangan tanya di mana aku berada. Ada atau tidak Pak Lah berunding di rumah Cikgu Raman hendak jadi orang kaya?

Omar: Oh! Pak Lah hendak jadi orang kaya. Mahu bela nasib sendiri sahaja, dan hendak tinggalkan kita miskin selama-lamanya. Secara terang bersama kita, tetapi secara sulit dengan musuh kita. Ini sikap dua muka.

Sambil mereka bertelagah, Cikgu Shariff yang telah mengikuti perbincangan mereka itu, terus berteriak kepada Bakar, "Bakar, tolong kira meja ini."

Bakar tergopoh-gapah datang dan setelah mengambil duit, kedua-dua Cikgu Shariff dan Sidang Salleh bangkit dari situ dan terus undur dari pekan kecil itu.

Khalid: Nampak itu. Gang Pak Lah sudah belah. Ada atau tidak Cikgu Shariff dan Sidang Salleh bersama-sama dalam persidangan malam itu?

Dollah: Baiklah ada. Tetapi, Pak Khalid mana tahu?

Khalid: Jangan khuatir. Kalau buat rancangan hendak jadi kaya, rakyat lambat-laun akan dapat tahu. Kerana ini ada sangkut-paut dengan rakyat jelata. Kalau ada orang hendak jadi kaya. Sudah tentu ada orang akan jadi miskin, atau ada yang sudah miskin akan jadi papakedana pula.

Dollah: Baiklah, aku ceritakan. Cikgu Raman jemput beberapa orang, termasuk aku, untuk menuntut harta Datuk Samsuddin.

Omar: Datuk Samsuddin, datuk aku. Apa pasal aku tidak dijemput sama?

Khalid: Datuk Samsuddin adalah datuk kita semua se-lain dari Raju dan Ah Leng. Engkau tidak dijemput kerana engkau tiada duit, buat beban sahaja, dan engkau

dihitung pengacau. Diamkan Pak Lah cerita lagi.

Dollah: Aku diberitahu bahawa Datuk Samsuddin meninggalkan harta yang banyak di Kampung Hulu, Kampung Kuli, Kampung Kling dan di kampung kita ini.

Siddek: Bagaimana dia dapat harta begitu banyak? Dia jutawankah?

Dollah: Ayah Datuk Samsuddin datang dari negeri Cina. Oleh kerana kepercayaan Belanda terhadapnya, ia telah dilantik menjadi Kapitan Cina 1 dan diberi kuasa atas berkampung-kampung, selagi ada matahari dan bulan.

Ah Leng: Nampaknya, Datuk Samsuddin boleh jadi Datuk aku juga.

Raju: Datuk aku di Madras.

Dollah: Datuk Arum, ayah Datuk Samsuddin, kahwin Melayu. Dapat Datuk Samsuddin. Datuk Samsuddin telah dilantik menjadi Kapitan Cina 2. Dia meninggal dan makamnya terletak di Gubah, Bukit Beruang.

Omar: Apa maksud perjumpaan itu?

Dollah: Ya, maksudnya. Pengajur persidangan itu yakin harta-harta Datuk Samsuddin masih belum dibahagikan dan boleh dituntut oleh anak-cucu beliau.

Omar: Jadi, hendak ambil balik tanah-tanah Datuk Samsuddin dari Bank-bank dan taukeh-taukeh di Kampung Hulu, Kampung Kuli, Kampung Kling dan dari Tan Seng Lock, Mengkuang dan Goooday Estate. Kalau dapat semua ini Pak Lah tentu jadi lebih kaya dari Datuk Gapar.

Khalid: Sebelum jadi kaya, nampaknya Pak Lah terpaksa berkorban dahulu. Hendak dapat sagu, terpaksa pecahkan buyong dahulu. Berapa banyak sumbangan tiap-tiap seorang diminta oleh penaja rancangan ini?

Dollah: Ribu. Hendak pasang loyar hingga ke London.

Omar: Patut aku tidak dijemput. Aku ada hanya gigi dan lidah sahaja. Berapa sudah dipungut?

Dollah: Sudah beribu dijanjikan.

Omar: Pak Lah berapa?

Dollah: Jangan tanya aku, Omar.

Siddek: Aku fikir kalau hendak tanah, carilah sendiri. Kalau tidak, pergi masuk rancangan Hutan Perca atau terus ke Pahang. Kalau Pak Lah pergi tentu sekali akan dilantik menjadi Batin.

Shafie: Aku fikir, kalau boleh tuntut semula harta-harta Datuk Samsuddin, mengapa tidak tuntut semua harta semua datuk-nenek kita. Kita akan dapat seluruh negeri kita balik.

Omar: Aku fikir, tidak mudah. Bolehkah orang Red Indian mendapat kembali benua Amerika? Begitu juga, bolehkah orang-orang asli di Australia dan New Zealand mengambil kembali pulau-pulau tersebut?

Khalid: Aku fikir, ada udang di sebalik batu. Orang-orang yang menganjurkan rancangan ini tahu rancangan mereka tidak boleh berhasil. Mereka hendak menggantungkan harapan sahaja, macam janji-janji hendak senang dalam tahun 1990. Rakyat diajak mencurahkan air dari tempayan mereka dan menunggu macam buah tidak jatuh. Sementara berhasil rancangan mereka, wang terpaksa dikutip untuk perbelanjaan. Jadi, rakyat 'senang' selepas 1990, tetapi ada orang senang mulai dari tarikh kita merdeka.

Omar: Apa macam Pak Lah? Hendak jadi orang kaya lagi? Hendak tinggalkan kita juga?

Khalid: Dalam dunia kita ini, kalau bekerja lapan jam dalam satu hari, tidak ada orang boleh jadi kaya. Kalau hendak kaya, kita terpaksa jalan bengkok, ukur curang, dan timbang sekati tigabelas tahil. Di mana Pak Lah hendak berdiri sekarang? Kejar kekayaan, atau mencari keadilan?

Dollah: Sesat di hujung, balik semula di pangkal jalan. Bakar, beri apa sahaja sahabat-sahabat saya hendak makan.

N1



Pengarang:S. Husin Ali

Judul:KEMISKINAN DAN KELAPARAN TANAH DI KELANTAN

(Satu Penyelidikan Sosio-Ekonomi Kelantan)

Penerbit: Karangkraf Sdn. Berhad,
Cetakan 1978,
94 muka.

Pada umumnya, isi kandungan buku ini menelaah soal-soal kemiskinan dan ketidakseimbangan pemilikan tanah di negeri Kelantan. Menurut angka resmi, kira-kira 64.9% rakyat Kelantan hidup dalam kemiskinan. Ia juga menyentuh tentang pembahagian kelas masyarakat Kelantan yang terdiri dari beberapa lapisan kelas, misalnya kelas atas-an, peniaga dan orang kebanyakan.

Peranan politik juga membahagikan kelompok-kelompok masyarakat di mana setengah pihak cuba menggunakan teraju pemerintahan untuk merangkul kekayaan dan memindah milikkan atau menjual tanah serta hasil negeri kepada pemodal-pemodal tempatan dan luar. Tidak kurang juga berlaku penyelewengan di bidang pentadbiran negeri Kelantan memandangkan analisa yang dipaparkan oleh buku ini.

Tanah Duff

Salah satu skandal tanah di Kelantan (tahun 1900) yang dikemukakan dalam buku ini ialah tentang perjanjian yang dibuat oleh Sultan Kelantan dan seorang kapitalis Inggeris R. Duff (sebelumnya orang putih ini adalah pegawai yang ditugaskan oleh Inggeris untuk menangkap pahlawan-pahlawan Melayu yang menentang Inggeris seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau, dll.). Kononnya si Duff tertarik dengan kesuburan bumi di Ulu Kelan-

tan dan mempercayai kawasan itu mengandungi banyak bijih.

Dalam perjanjian itu Duff mendapat konsesi di dua kawasan kira-kira 2000–3000 batu persegi luasnya dan Duff berhak menjalankan segala usaha perlombongan, pembalakan dan lain-lain dengan apa cara yang dipilihnya. Duff juga berjanji untuk membayar sebanyak \$2000 kepada kerajaan Kelantan dan cukai 5% bila kerja-kerja dijalankan. Tapi dua belas tahun kemudian kerajaan Kelantan menerima padah dari hasil penglibatannya dengan syarikat Duff tadi. Menurut buku ini;

'Anih sungguh, konsesi yang diberikan kepada Duff dengan bayaran \$2,000 mesti diambil kembali dengan bayaran £ 300,000 pula, dan untuk menjelaskan, bayaran ini terpaksa berhutang pula sebanyak \$3,000,000.

Seolah-olah tidak cukup dengan pembayaran di atas, Syarikat Duff dibenarkan seterusnya memiliki 'selama mata hari terbit' beberapa bidang tanah, tiap-tiap satu tidak kurang dari 2,000 ekar....'

Dasar Persekolaan Penjajah

Tentang pertumbuhan sekolah-sekolah di Kelantan, ada disebutkan mengenai penubuhan sekolah Inggeris di Kota Bharu pada tahun 1930 selaras dengan kehendak-kehendak penjajah Inggeris yang dijalankan di Tanah Semenanjung.

Seperti yang sering ditegaskan dalam laporan-laporan tahunan Kelantan, sekolah diutamakan untuk '... belia-belia berkebolehan dari keturunan baik' (ARK, ms 43). Sekolah perempuan Inggeris ditubuhkan pula pada 1938 '... terutama untuk anak-anak perempuan golongan Istana dan pegawai-pegawai Melayu ...' dan matlamat umumnya ialah

untuk melatih mereka supaya 'berfikiran cerdas dan boleh menjadi isteri-isteri yang sesuai bagi pegawai-pegawai Melayu yang telah mendapat pelajaran lebih tinggi dari mereka....' (ARK, 1938 ms. 54). Jadi sekolah-sekolah Inggeris ini diutamakan bagi mereka dari lapisan atasan.

Tentang sekolah-sekolah Melayu pula, sehingga pertengahan 1950an ia dibataskan hanya kepada peringkat rendah.

Kebanyakan sekolah-sekolah ini di luar bandar, dan untuk anak-anak kampung. Telah ditegaskan bahwa, '... negeri tidak mahu rakyatnya berpusu-pusu ke bandar untuk mendapatkan sedikit-sedikit Bahasa Inggeris ... dan memandang rendah kepada kerja-kerja tulang empat kerat. Sebaliknya adalah diharapkan petani-petani akan dapat dilengkapkan dari segi mental dan fisikal untuk meneruskan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh nenek moyang mereka, tetapi dengan cara yang lebih effisien dan memberi hasil yang bertambah' (ARK, 1930, ms 30). Ini sesuai dengan dasar untuk meneruskan anak petani sebagai petani juga, dan menutup peluang mereka berubah atau naik ke lapisan atas sosial melalui saluran pelajaran.

Pada keseluruhannya, buku ini adalah satu penyelidikan yang penting tentang masalah-masalah sosial dan ekonomi yang bersabit dengan kemiskinan. Buku ini banyak menekan dan menghuraikan soal penggunaan tanah di Kelantan, baik di kawasan penanaman padi maupun getah. Masalah kelaparan tanah dan kemiskinan adalah satu kenyataan yang perlu mendapat perhatian segera oleh pihak yang berkenaan.

PECAH TEMBELANG: HIKAYAT SYARIKAT EMAS HITAM SERI OMBAK (S.O.)

Hanuman

Alkesah maka pecahlah khabar tentang sebuah syarikat emas hitam yang dikatakan melakukan penipuan. Maka gemparlah seluruh negeri kerana yang memecahkan khabar itu ialah seorang cucu Laksamana Cheng Ho yang bernama Tuan King Sang.

Adapun Tuan King Sang itu mendapat khabar dari seorang keturunan Benggali Perang yang pernah bekerja dengan Syarikat Emas Hitam bernama Sri Ombak atau panggilan pendeknya S.O. itu. Anak Benggali Perang itu datang berlari-lari mendapatkan Tuan King Sang menyatakan perihal ia telah dibuang kerja oleh Syarikat S.O. itu.

Maka Tuan King Sang pun bertanya, "mengapakah maka tuan hamba dibuang kerja itu?"

Maka jawab anak Benggali Perang itu, "adapun hamba ini telah lamalah bekerja dengan S.O. itu. Hamba mendapat khabar bahawa S.O. itu amatlah rajin menjalankan kerja menggali dan mengeluarkan emas hitam itu. Maka hamba pun amatlah gembira memperhambakan diri kepada S.O. itu."

Maka tanya Tuan King Sang, "kalau begitu kenapa makah maka tuan hamba dibuang kerja?"

Maka jawab anak Benggali Perang itu, "adapun penghulu kami dalam S.O. itu ialah seorang cucu Marco Polo dari negeri Mafia. Mulanya hamba dan penghulu hamba itu bersahabat baik. Tetapi penghulu itu lain benar mainnya."

Maka Tuan King Sang pun bertanya, "apakah mainnya itu hai anak Benggali Perang?"

Maka anak Benggali Perang itupun berceritalah. Konon ceritanya, sebelum Syarikat Emas Hitam Seri Ombak ini memulakan kerja menggali emas hitam itu, Tuan Saudagar Besar kami yang berada di negeri atas angin yang mempunyai sebuah syarikat bernama Ekor Sumpitan atau Eksum itu telah bermesyuarat dengan Datuk Bendahara, Syahbandar dan Datuk-Datuk lain akan tujuannya untuk menjalankan kerja menggali emas hitam itu. Maka Tuan Saudagar Besar itu telah berjanji dengan Datuk-Datuk itu bahawa keuntungan penjualan emas hitam itu akan dibahagi-bahagikan antara kedua pihak.

Adapun menurut perjanjian antara Tuan Saudagar Besar Eksum dengan Datuk Bendahara, bagi setiap seratus bahara emas hitam yang dikeluarkan, tiga puluh bahara dikira sebagai belanja menggali. Maka yang tiga puluh bahara itu tidak dituntut oleh kerajaan. Maka yang tujuh puluh bahara itu akan dibahagikan kepada tiga. Tiga puluh bahara untuk kerajaan. Dua puluh baha-

ra untuk Perbadanan Emas Hitam Umat Negeri atau dipanggil *Permas* sahaja. Maka yang dua puluh bahara lagi diberikan kepada S.O. itu. Adapun perjanjian ini telah pun dipersetujui dan ditandatangani dan dimeterai dengan segala cap mohornya. Maka setelah selesai istiadat itu, S.O. pun mulalah menjalankan kerja menggali emas hitam. Maka banyaklah emas hitam yang diperoleh dan sangatlah gembiranya hati mereka.

Adapun emas hitam itu terlalu banyak digali di kawasan perairan negeri Trengganu. Maka Tuan Saudagar Besar Eksum dan S.O. dan *Permas* serta Datuk-Datuk sekaliannya amat bersukacita melihatkan keuntungan yang maha besar itu. Adapun emas hitam yang dikeluarkan itu dilonggokkan dan dimuatkan ke dalam kapal tiada berapa jauh dari kawasan ia dikeluarkan itu. Maka kapal-kapal singgah untuk mengangkut emas hitam itu supaya dibawa ke kawasan Selat Melaka untuk dibersihkan.

Sewaktu Benggali Perang itu bercerita, Tuan King Sang tidak berhenti-henti menganggukkan kepalanya seraya berfikir akan kayanya negerinya itu berkat terjumpanya emas hitam demikian banyaknya itu.

Maka Benggali Perang itupun menyambung ceritanya. Katanya: Adapun kerana sifat manusia juga, maka timbulah rasa tamak haloba pada hati penghulu kami cucu Marco Polo itu untuk mendapat bahagian untung yang lebih. Maka penghulu S.O. itupun mencari akal untuk mendapat untung lebih itu. Maka iapun terfikir untuk menjualkan lima bahara emas hitam yang dikeluarkan itu kepada saudagar-saudagar Ianun di Temasik. Setelah diusahakannya maka berjayalah kerja-kerjanya itu. Maka iapun mendapat untung yang sangat besar serta dibahagikan dengan dua tiga orang suku-sakatnya jua.

"Maka hamba memang tahu akan kerja jahat daripada Penghulu S.O. itu. Maka hamba pun mengkhabarkan kepadanya akan hal tersebut dan meminta bahagian hamba sekadarnya. Maka Penghulu itu menjadi marah lalu dinyahkannya hamba dari bekerja dengan S.O. itu."

Maka kata Tuan King Sang, "sekarang fahamlah hamba sebab tuan hamba dibuang kerja itu."

Maka sahut Benggali Perang itu, "belumlah tamat lagi cerita hamba dan izinkanlah hamba menyambungnya."

"Teruskanlah cerita tuan hamba itu" ujar Tuan King Sang.

Maka Benggali Perang itu pun menyambung ceritanya: "Adapun sebelum hamba datang berjumpa tuan hamba ini hamba telah pergi berjumpa penghulu *Permas* menyatakan khabar kerja jahat penghulu S.O. itu. Maka hamba khabarkan perihal penjualan emas hitam secara

sulit kepada saudagar-saudagar lanun di Temasik itu. Maka penghulu Permas itu tidaklah menghiraukan aduan hamba itu. Maka hamba merasa kemaluan hamba sangat besar kerana cerita hamba tidak didengar. Maka inilah sebabnya hamba datang bertemu tuan hamba ini mengadukan hal kerana tuan hamba pun boleh bercakap di hadapan balai mesyuarat anak negeri."

Maka sahut Tuan King Sang, "kalau begitu maka fahamlah hamba akan cerita tuan hamba itu."

Benggali Perang itupun pulanglah. Maka hari pun malamlah. Maka pada keesokan harinya Tuan King Sang pun mencawangkan ke serata negeri tentang penipuan penghulu S.O. itu. Apabila pecah sahaja khabar itu, maka gempolah seluruh negeri, ada yang percaya ada yang tidak.

Adapun yang paling gempar ialah penghulu dan anak-anak buah syarikat S.O. itu. Maka penghulu itu pun menghantar utusan kepada Tuan Saudagar Besar Eksum di negeri atas angin itu menyatakan khabar malang yang telah menimpa itu. Maka terkejutlah Tuan Saudagar serta sangat marah dan mukanya merah menyala seperti ayam nak bertelur. Maka dalam hatinya ia bertanya siapakah yang membuat angkara menyebarkan berita jahat itu. Maka Penghulu itupun menyuruh orang kanannya belseyur ke negeri ini berserta dengan duabelas orang peguam yang bijak-bijak belaka untuk menyiasat kedudukan perkara yang sebenarnya. Maka mereka pun sampailah. Setelah memahami kedudukan perkara maka mereka pun berunding dengan sebuah syarikat peguam anak negeri yang bernama Syarikat Tabir akan cara-cara untuk mendakwa dan menimbulkan gentar pada Tuan King Sang itu. Maka Tuan King Sang itu apabila diketahuinya niat orang kanan Saudagar Besar Eksum lalu iapun menyembunyikan dirinya di pulau Gajah Berang sambil memikirkan langkah yang perlu diambil selanjutnya.

Adapun Syarikat Tabir yang bekerjasama dengan orang kanan Saudagar Besar Eksum itu dulunya bertuan-kan Datuk Menteri. Maka Datuk Menteri itu apabila mendengarkan khabar penipuan Penghulu S.O. itu timbulah marah yang amat sangat. Maka ia pun ingin bertemu dengan Tuan King Sang yang memecahkan khabar itu bertanyakan khabar yang sebenarnya. Lalu Tuan King Sang pun datang bertemu lalu menyampaikan kisah yang diketahuinya itu. Maka Datuk Menteri itu bertambah-tambah marahnya ibarat akan ditelannya penghulu S.O. itu jika ada di hadapannya.

Adapun orang kanan Saudagar Besar Eksum itu atas nasihat peguam-peguamnya yang duabelas orang itu serta dibantu oleh Syarikat Tabir itu pun meminta hakim membicarakan hal yang dikatakan fitnah Tuan King Sang itu. Maka menurut hukum negeri, apabila tuan hakim bersetuju membicarakan hal itu, orang ramai tidak boleh lagi bercakap mengenainya secara terbuka, melainkan hanya berbisik-bisik dalam kelambu sahaja.

Penghulu dan orang-orang kanan S.O. itu memang merasa gentar kalau-kalau rahsia mereka diketahui juga sudahnya. Maka untuk menutup kesalahannya yang belum begitu terdedah itu, iapun menghebahkan keinginannya untuk memberikan hadiah yang besar kepada pujangga-pujangga anak negeri yang pandai menyurat. Maka Penghulu S.O. itu mengadakan hubungan mesra dengan Kumpulan Pujangga Masyarakat yang digelar KUPAMA itu. Maka anak negeri pun menjadi gambira mendengarkan peri baiknya hati Penghulu S.O. itu hendak memberi hadiah pada pujangga-pujangga yang ahli menyurat.

Selang beberapa lama selepas itu maka balai mesyuarat anak negeri pun mengadakan sidangnya. Maka Tuan King Sang pun bangun lalu memecahkan khabar itu kepada ahli-ahli balai itu. Maka mereka semua pun sangat yakin akan kerja jahat yang dilakukan oleh penghulu S.O. itu. Maka perbuatan yang busuk itu pun umpama bangkai yang tidak boleh lagi ditutup dengan khemah sekali pun baunya keluar juga. Menurut yang empunya cerita, akibat perbuatan Penghulu S.O. itu kerajaan telah mengalami kerugian sebesar 800 juta bahara emas hitam. Emas hitam sebanyak 800 juta bahara itu amatlah berguna untuk memperbaiki taraf hidup anak negeri yang masih belum meninggalkan takok lama itu.

Adapun Penghulu S.O. itu amatlah risau hatinya kerana tembelangnya yang telah pecah dan mengeluarkan bau yang menyesakkan hidung itu. Maka Penghulu Permas itu pun demikian juga halnya kerana tidak menyiasat aduan yang disampaikan oleh Benggali Perang itu dahulu.

Menurut yang empunya hikayat, adapun S.O. itu selain dari mendapat dua puluh bahara emas hitam setiap seratus bahara yang dikeluarkan, ia juga mendapat keuntungan tambahan dari pembelian alat-alat jentera dari Eksum. Menurut perjanjian yang telah dipersetujui, tiap seratus bahara emas hitam yang dikeluarkan, tiga puluh bahara ialah untuk membeli alat-alat jentera dan pengurusan. Maka telah juga dipersetujui bahawa alat-alat jentera yang berharga lebih dari 50 ribu bahara hendaklah diumumkan di khalayak ramai (ditenderkan menurut istilah moden – penulis). Tetapi S.O. tidaklah melakukan seperti yang dijanjikan itu kerana jika alat itu dibeli terus dari Eksum atau anak-anak syarikatnya, keuntungan yang lebih boleh diperolehi, iaitu sekurang-kurangnya sepuluh bahara emas hitam setiap seratus bahara emas hitam yang dikeluarkan itu.

Maka demikianlah kisah yang empunya hikayat. Maka oleh kerana Hakim telah menunggu kisah ini dibicarakan, maka tumpullah kalam penulis hikayat ini untuk meneruskan tulisannya. Mudah-mudahan kisah ini akan menjadi contoh dan tauladan pada sekalian anak cucu kita. Hubaya-hubayalah menjalankan perniagaan dengan orang-orang asing, dengan kompeni-kompeni asing, sama ada yang di atas angin atau di bawah angin.

(Dipetik dari Berita MASSAL)

Vietnam War has provided good materials for both writers and film directors alike. The War, however, was a nightmarish experience that no Vietnamese can ever forget. One expects a "radical" treatment of the Vietnam War to do justice to such a monumental tragedy of our time. *The Deerhunter* has disappointed us as a film about Vietnam. But now, what about *Apocalypse Now*?

If you go to see *Apocalypse Now* expecting a film about Vietnam War — forget it! It is a film swamped by its own pomposity. In so far as Vietnam is concerned, the war is merely a backdrop and a disguise for a story obscured by mystic philosophy and distorted human characters.

The plot of the film is simple. Captain Willard (Martin Sheen) is sent up river to seek out Colonel Kurtz (Marlon Brando), a US Army renegade who has gone insane and was apparently waging a private war on the Cambodian border. The film shows not the war but Sheen's journey interjected with war scenes convenient to the film. The only difference from *The Deerhunter* is that war scenes in *Apocalypse Now* are much longer and more expensive (US\$30m) to make. One scene in particular needs mentioning.

At the start of his journey, Sheen becomes involved in a raid on a fishing village. The commanding officer leads his fleet of helicopters to incinerate the village and its inhabitants so that the Americans can go surfing for a few minutes. When the Vietnamese resisted, B-52s are sent in and napalm bombs dropped. In this scene the insanity and brutality of the Americans are shown in sharp contrast to the brave struggle of the Vietnamese fighting for their livelihood and freedom.



For the directors of these films, the *Deerhunter* and *Apocalypse Now*, the war is just a medium in which to explore the complexity of human conditions. The violence is

just a tool useful for pushing human characters to believable breaking points, to the perimeters of experience. The vile thing is that Vietnam is just made use of in these films to indulge in the intricacies of moral philosophy and human characters. In *The Deerhunter*, the limits of commitment between friends are tested under the torture and humiliation committed by the Viet Cong; in *Apocalypse Now*, the limits of duty and loyalty demanded by the army are tested with insane commands.

The story of *Apocalypse Now* is derived from Joseph Conrad's short novel — Heart of Darkness — published in 1902. Conrad's novel is about an American trading company agent somewhere deep in the African jungle. Cut off completely from outside contact, he becomes obsessed with commercial success and domination over the African natives. In the film Colonel Kurtz is both out of contact and out of control. Leading a group of tribesmen, Kurtz moves further away from the war. To create his own ideals, his method is to destroy everything that comes in his way. Both the trading agent and Kurtz are mad, functioning beyond the bounds of decency.

In the last half hour of the film, Kurtz is portrayed as an outsized Marlon Brando reciting his philosophy about life. He was actually reading from T.S. Elliot's poem Hollow Men. This transformation from the scenes and sounds of Vietnam War into the plane of mysticism diverts the audience from the real issue — the injustice and real human dimensions of the war, and just as importantly, the role of the US in the Vietnam.

Like the *Deerhunter* before it, you will walk out of *Apocalypse Now* feeling cheated and conned. When will film directors come to terms with Vietnam?

NI

UNTUK NUSA DAN BANGSA




DITERBITKAN SETIAP HARI JUMAAT

K.D.N. 0080/80

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.
Tel: 980044.

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur
P.O. Box 2454

Rasa Perisa



Cemerlang laksana emas Benson & Hedges...
rasa yang cukup bermutu di dunia



Dicipta dan disempurnakan oleh Gedung Benson & Hedges

AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA:
MEHOKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN